

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN
KECIL PERUSAHAAN GETAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 74.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 [Akta 85].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Pihak Berkuasa, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Pihak Berkuasa Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Pihak Berkuasa bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 [Akta 85]. Ahli Pihak Berkuasa juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan, Ahli Pihak Berkuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara

individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Pihak Berkuasa;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Pihak Berkuasa dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Ahli Pihak Berkuasa telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Ahli Pihak Berkuasa bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 [Akta 85], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 9 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

- a. Saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:
 - i. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan mempunyai struktur kumpulan yang kompleks yang terdiri daripada 13 divisyen dan 12 syarikat subsidiari bagi melaksanakan fungsinya. Struktur kumpulan secara *decentralised* ini dilaksanakan melalui proses penggabungan (*amalgamation*) hanya sekali setahun, iaitu pada setiap hujung tahun bagi 13 penyata kewangan divisyen dan penyatuan 12 penyata kewangan syarikat subsidiari dan bukannya secara bulanan. Proses ini menyebabkan rekod kewangan antara Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dengan divisyen dan syarikat subsidiari tidak dapat disesuaikan (*reconciled*) dengan lengkap dan terdedah kepada kesilapan;

- ii. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah juga perlu menambah baik dalam pengasingan tugas penyediaan akaun penggabungan dan penyatuan. Kelemahan tiada pengasingan tugas menyebabkan perekodan baki daripada akaun divisyen dan syarikat subsidiari dalam penyata kewangan adalah tidak tepat dan tidak dikemas kini; dan
 - iii. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah perlu segera memuktamadkan fungsi sistem perakaunan baru dan sistem lain yang belum berintegrasi untuk menjana penyata kewangan secara elektronik. Sistem perakaunan tersebut juga hendaklah selaras dengan keperluan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) bagi mengurangkan pelarasan perakaunan secara manual.
- b. Sijil ini dibuat untuk Ahli Pihak Berkuasa, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah berdasarkan keperluan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 [Akta 85] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
20 FEBRUARI 2023





Pengakuan oleh Ahli Pihak Berkuasa

Kami, masing-masing, **Dato' Sri Ramlan Bin Dato' Harun** dan **Datuk Abdullah Bin Zainal @ Deraman** yang merupakan Pengerusi Pihak Berkuasa di bawah seksyen 4c.(2), Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 (Akta 85) dan salah seorang Ahli Pihak Berkuasa bagi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Pihak Berkuasa, penyata kewangan yang mengandungi penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai RISDA dan Kumpulan berserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Tahun 1972 (Akta 85) bagi memberikan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan RISDA dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak ahli pihak berkuasa,

DATO' SRI RAMLAN BIN DATO' HARUN
Pengerusi Pihak Berkuasa di bawah seksyen 4c.(2)
Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil
Perusahaan Getah 1972 (Akta 85)

Bagi pihak ahli pihak berkuasa,

**DATUK ABDULLAH BIN ZAINAL @
DERAMAN**
Ketua Pengarah/Ahli Pihak Berkuasa

20 FEB 2023

Tarikh:

Kuala Lumpur



Pengakuan oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan

Saya, Mohamad Hilmi bin Abdul Hamid no kad pengenalan 790409-13-5947, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai RISDA dan Kumpulan berserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan adalah sebaik-baik di dalam pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di KUALA LUMPUR)
pada **14** haribulan **02** 2023)

MOHAMAD HILMI BIN ABDUL HAMID
Pengarah Kewangan Dan Belanjawan

Di hadapan saya,



**Suite C5-04, Jalan Selaman 1
Dataran Palma
68000 Ampang, Selangor**



Penyata Kedudukan Kewangan

pada 31 Disember 2021

	Nota	Kumpulan		RISDA	
		2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
		Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
Aset Bukan Semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	5	895,512,899	902,594,529	832,294,111	837,116,092
Aset hak guna	6	12,604,684	13,238,891	6,088,888	6,391,674
Hartanah pelaburan	7	3,692,081	3,777,844	-	-
Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah	8	7,076,020	7,076,020	-	-
Pelaburan dalam subsidiari	9	-	-	138,153,410	90,367,410
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	10	842,680	4,954,514	4,959,792	7,759,792
Pelaburan lain	11	1,636,436	1,688,063	33,301,325	32,717,325
Amaun terhutang oleh syarikat subsidiari	12	-	-	39,606,497	35,734,219
Pinjaman kakitangan	13	216,626,730	207,279,708	196,604,959	185,983,248
Aset cukai tertunda	14	479,663	995,589	-	-
Jumlah Aset Bukan Semasa		1,138,471,193	1,141,605,158	1,251,008,982	1,196,069,760
Aset Semasa					
Aset biologi	15	60,306,317	54,941,661	16,635,362	10,395,228
Inventori	16	78,749,413	86,602,836	53,749,604	39,879,006
Belum terima dagangan	17	170,490,015	119,968,279	17,446,681	24,274,844
Belum terima lain dan deposit	18	94,400,534	144,190,203	31,759,721	80,306,130
Amaun terhutang oleh syarikat subsidiari	12	-	-	91,662,399	91,664,100
Pinjaman kakitangan	13	12,724,251	12,607,950	8,458,751	8,304,656
Pulangan cukai		12,938,023	9,219,131	-	-
Simpanan tetap	19	2,156,265,811	1,983,756,823	1,894,400,998	1,793,359,018
Wang di bank dan di tangan		108,707,398	78,946,716	62,399,791	38,188,946
		2,694,581,762	2,490,233,599	2,176,513,307	2,086,371,928
Aset bukan semasa dipegang untuk jualan	7	220,941	220,941	-	-
Jumlah Aset Semasa		2,694,802,703	2,490,454,540	2,176,513,307	2,086,371,928
Jumlah Aset		3,833,273,896	3,632,059,698	3,427,522,289	3,282,441,688

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Kedudukan Kewangan

pada 31 Disember 2021 (sambungan)

Nota	Kumpulan		RISDA	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
		Dinyatakan semula		Dinyatakan semula
Ekuiti				
Kumpulan Wang RISDA/ Keuntungan Terkumpul	26	2,182,939,220	2,266,634,502	2,174,667,078
Tabung Amanah Pembangunan Modal Insan	27	3,165,953	2,589,014	3,165,953
Tabung Wang Pusingan	28	322,773,650	225,773,650	322,773,650
Tabung Tanam Semula Estet RISDA	29	90,949,955	62,441,109	90,949,955
Rizab Modal	30	5,000,000	5,000,000	-
Rizab Nilai Saksama	30	2,680,391	732,017	-
Kepentingan Bukan Kawalan	9	-	6,711,070	-
Jumlah Ekuiti		2,607,509,169	2,569,881,362	2,591,556,636
Liabiliti Bukan Semasa				
Liabiliti pajakan	23	7,854,477	7,990,279	3,353,198
Pemiutang sewa beli	23	2,771,971	3,768,235	-
Ganjaran persaraan kakitangan	25	293,717,722	276,826,864	293,717,722
Liabiliti cukai tertunda	14	2,296,401	1,900,437	-
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		306,640,571	290,485,815	297,070,920
Liabiliti Semasa				
Overdra bank	20	38,502,762	39,276,322	-
Belum bayar dagangan	21	51,725,856	75,055,995	10,149,064
Belum bayar lain	22	341,092,682	289,761,990	117,343,197
Amaun terhutang kepada syarikat subsidiari	12	-	-	18,695,424
Amaun terhutang kepada pengarah	12	-	15,000	-
Amaun terhutang kepada pemegang saham korporat	12	529,093	811,975	-
Liabiliti pajakan	23	2,495,843	3,018,849	3,574,833
Pemiutang sewa beli	23	1,908,164	2,165,740	-
Pinjaman berjangka	24	91,939,782	39,697,640	-
Ganjaran persaraan kakitangan	25	7,979,343	8,287,365	7,979,343
Geran kerajaan tertunda	31	17,973,600	62,186,814	17,973,600
Wang Amanah KPLB	32	260,522,931	237,482,644	260,522,931
Peruntukan cukai		102,847,554	13,419,820	102,656,341
Zakat perniagaan		1,606,546	512,367	-
Jumlah Liabiliti Semasa		919,124,156	771,692,521	538,894,733
Jumlah Liabiliti		1,225,764,727	1,062,178,336	835,965,653
Jumlah Liabiliti dan Ekuiti		3,833,273,896	3,632,059,698	3,427,522,289

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Pendapatan Komprehensif

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021

		Kumpulan		RISDA	
	Nota	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
			Dinyatakan semula	Dinyatakan semula	
Pendapatan	33	1,974,941,585	1,713,805,655	1,418,261,086	1,387,453,085
Pendapatan operasi lain	34	92,586,561	171,234,613	64,755,466	139,196,292
Perubahan dalam inventori					
benih-benih tanaman/ternakan		(13,514,496)	(18,553,616)	(7,407,411)	(8,340,425)
Bahan mentah dan barang guna					
yang digunakan		(220,464,169)	(143,398,865)	(215,073,363)	(136,510,182)
Pembelian barangan perniagaan		(604,376,857)	(415,145,454)	-	-
Yuran dan imbuhan pengarah	35	(2,925,065)	(2,531,625)	(808,675)	(645,631)
Kos kakitangan	36	(321,536,334)	(319,079,056)	(234,443,515)	(241,477,885)
Susutnilai	37	(73,534,437)	(72,346,295)	(64,481,036)	(63,368,645)
Keuntungan bersih nilai saksama					
aset biologi	37	6,386,137	3,322,538	6,240,134	1,943,060
Perbelanjaan operasi lain	37	(643,408,560)	(746,134,312)	(779,357,436)	(923,841,919)
Lebih daripada operasi		194,154,365	171,173,583	187,685,250	154,407,750
Kos kewangan	38	(5,744,422)	(5,877,044)	(617,963)	(803,515)
Bahagian (kerugian)/keuntungan syarikat bersekutu		(1,311,834)	525,954	-	-
Lebih sebelum pengagihan					
keuntungan RTBB		187,098,109	165,822,493	187,067,287	153,604,235
Agihan keuntungan RTBB	40	(36,616,784)	(7,884,329)	(36,616,784)	(7,884,329)
Lebih sebelum cukai		150,481,325	157,938,164	150,450,503	145,719,906
Cukai	39	(99,645,601)	(20,350,899)	(90,934,836)	(14,892,505)
Zakat perniagaan		(8,370,291)	(5,234,536)	(7,422,322)	(4,326,495)
Lebih tahun semasa		42,465,433	132,352,729	52,093,345	126,500,906

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Pendapatan Komprehensif

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (sambungan)

Nota	Kumpulan		RISDA	
	2021	2020	2021	2020
	RM	RM	RM	RM
	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
Pendapatan komprehensif lain selepas cukai:-				
<i>Item yang mungkin diklasifikasikan semula ke untung atau rugi</i>				
Perubahan nilai saksama aset kewangan melalui pendapatan komprehensif lain	1,948,374	650,067	-	-
Pendapatan komprehensif lain tahun semasa	1,948,374	650,067	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa	44,413,807	133,002,796	52,093,345	126,500,906
Lebihan tahun semasa diagihkan kepada:				
Pemegang ekuiti	42,464,386	131,908,970	52,093,345	126,500,906
Kepentingan tak kawal	9 1,047	443,759	-	-
	42,465,433	132,352,729	52,093,345	126,500,906
Jumlah pendapatan komprehensif diagihkan kepada:				
Pemegang ekuiti	44,412,760	132,559,037	52,093,345	126,500,906
Kepentingan tak kawal	9 1,047	443,759	-	-
	44,413,807	133,002,796	52,093,345	126,500,906

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021

Kumpulan	Nota	Keuntungan		Tabung Amanah		Tabung Wang Pusingan		Tabung Tanam Semula		Rizab Modal		Rizab Nilai Saksama		Jumlah		Kepentingan Tak Kawal		Jumlah Ekuiti	
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2020		2,148,635,935		2,479,106		225,773,650		48,640,614		5,000,000		81,950		2,430,611,255		6,267,311		2,436,878,566	
Lebihan tahun semasa																			
<i>seperti dinyatakan sebelumnya</i>		140,908,970		-		-		-		-		-		140,908,970		443,759		141,352,729	
Pelarasan tahun lepas	46	(9,000,000)		-		-		-		-		-		(9,000,000)		-		(9,000,000)	
Lebihan tahun semasa																			
<i>seperti dinyatakan semula</i>		131,908,970		-		-		-		-		-		131,908,970		443,759		132,352,729	
Pendapatan komprehensif lain tahun semasa		-		-		-		-		-		650,067		650,067		-		650,067	
Pindahan rizab		(13,910,403)		109,908		-		13,800,495		-		-		-		-		-	
Baki pada 31 Disember 2020		2,266,634,502		2,589,014		225,773,650		62,441,109		5,000,000		732,017		2,563,170,292		6,711,070		2,569,881,362	

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (sambungan)

Kumpulan	Nota	Keuntungan	Tabung	Tabung	Tabung	Tabung	Tabung	Rizab	Rizab	Jumlah	Kepentingan	Jumlah	RM
		Terkumpul	Amanah	Pembangunan	Wang	Estet	Modal	Modal	Saksama	Tak Kawal	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2021													
seperti dinyatakan sebelumnya													
	46	2,275,634,502	2,589,014	225,773,650	62,441,109	5,000,000	732,017	2,572,170,292	6,711,070	2,578,881,362			
Pelarasan tahun lepas													
		(9,000,000)	-	-	-	-	-	(9,000,000)	-	(9,000,000)			
Pada 1 Januari 2021													
seperti dinyatakan semula													
		2,266,634,502	2,589,014	225,773,650	62,441,109	5,000,000	732,017	2,563,170,292	6,711,070	2,569,881,362			
		42,464,386	-	-	-	-	-	42,464,386	1,047	42,465,433			
		-	-	-	-	-	1,948,374	1,948,374	-	1,948,374			
		(73,883)	-	-	-	-	-	(73,883)	(6,712,117)	(6,786,000)			
		(126,085,785)	576,939	97,000,000	28,508,846	-	-	-	-	-			
Baki pada 31 Disember 2021													
		2,182,939,220	3,165,953	322,773,650	90,949,955	5,000,000	2,680,391	2,607,509,169	-	2,607,509,169			

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (sambungan)

RISDA

	Nota	Keuntungan Terkumpul	Tabung Amanah Pembangunan Modal Insan	Tabung Wang Pusingan	Tabung Tanam Semula Estet RISDA	Jumlah Ekuiti
		RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2020		2,136,069,015	2,479,106	225,773,650	48,640,614	2,412,962,385
Lebihan tahun semasa, mewakili kerugian komprehensif tahun semasa <i>seperti dinyatakan sebelumnya</i>			-	-	-	135,500,906
Pelarasan tahun lepas	46	(9,000,000)	-	-	-	(9,000,000)
Lebihan tahun semasa, mewakili kerugian komprehensif tahun semasa <i>seperti dinyatakan semula</i>		126,500,906	-	-	-	126,500,906
Pindahan rizab		(13,910,403)	109,908	-	13,800,495	-
Baki pada 31 Disember 2020		2,248,659,518	2,589,014	225,773,650	62,441,109	2,539,463,291
Pada 1 Januari 2021						
<i>seperti dinyatakan sebelumnya</i>		2,257,659,518	2,589,014	225,773,650	62,441,109	2,548,463,291
Pelarasan tahun lepas	46	(9,000,000)	-	-	-	(9,000,000)
Pada 1 Januari 2021						
<i>seperti dinyatakan semula</i>		2,248,659,518	2,589,014	225,773,650	62,441,109	2,539,463,291
Lebihan tahun semasa, mewakili kerugian komprehensif tahun semasa		52,093,345	-	-	-	52,093,345
Pindahan rizab		(126,085,785)	576,939	97,000,000	28,508,846	-
Baki pada 31 Disember 2021		2,174,667,078	3,165,953	322,773,650	90,949,955	2,591,556,636

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021

	Kumpulan		RISDA	
	2021	2020	2021	2020
	RM	RM	RM	RM
	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
Aliran tunai daripada aktiviti operasi				
Lebihan sebelum cukai	150,481,325	157,938,164	150,450,503	145,719,906
Pelarasan untuk :-				
Pendapatan dividen	(690,737)	(4,380,923)	(6,152,406)	(179,703)
Pendapatan faedah	(46,869,915)	(47,693,439)	(43,221,263)	(43,754,890)
Keuntungan pelupusan hartanah, loji dan peralatan	(345,525)	(55,130,126)	(257,895)	(55,063,193)
Kerugian pelupusan pelaburan dalam syarikat subsidiari	-	-	-	49,431
Pembalikan atas rosot nilai aset-aset kewangan	(6,899,557)	(17,741,949)	(11,057,963)	(410,428)
Kerugian/(Keuntungan) penyahiktirafan hak penggunaan aset	202,130	(35,415)	-	-
Peruntukan ganjaran persaraan	22,955,832	22,948,117	22,955,832	22,948,117
Susutnilai	73,534,437	72,346,295	64,481,036	63,368,645
Keuntungan nilai saksama aset biologi	(6,386,137)	(3,322,538)	(6,240,134)	(1,943,060)
Inventori dihapusira	149,840	108,724	149,840	108,724
Hartanah, loji dan peralatan dihapusira	5,930,967	359,370	5,865,719	112,837
Rosot nilai atas:				
- Pelaburan dalam subsidiari	-	-	-	1,343,568
- Pelaburan dalam syarikat bersekutu	2,800,000	8,893,207	2,800,000	8,893,207
- Belum terima dagangan	68,631,612	7,206,206	-	5,305,099
- Belum terima lain dan deposit	4,579,806	964,311	-	1,270,397
- Belum terima lain bagi Akaun Projek Ladang Agensi	1,176,289	-	-	-
- Amaun terhutang oleh syarikat subsidiari	-	-	-	4,969,619
Perbelanjaan faedah	5,744,422	5,877,044	617,963	803,515
Bahagian kerugian/(keuntungan) syarikat bersekutu	1,311,834	(525,954)	-	-
Perubahan nilai saksama projek TSK	(5,011,550)	(3,470,660)	-	-
Agihan keuntungan RTBB	36,616,784	7,884,329	36,616,784	7,884,329
	307,911,857	152,224,763	217,008,016	161,426,120
Perubahan modal kerja :-				
Aset biologi	1,021,481	8,565,776	-	(172,897)
Inventori	7,703,583	4,772,627	(14,020,438)	1,583,887
Belum terima dagangan	(113,358,848)	14,030,836	10,167,658	(1,710,333)
Belum terima lain dan deposit	50,150,181	82,804,889	48,546,409	75,014,171
Amaun terhutang (oleh)/kepada syarikat subsidiari	-	-	(6,067,490)	12,773,715
Belum bayar dagangan	(23,330,139)	7,392,956	1,946,803	2,520,392
Belum bayar lain	51,330,692	93,854,656	15,910,219	48,762,839
Jumlah terhutang kepada pengarah	(15,000)	(1,411)	-	-
Jumlah terhutang kepada pemegang saham korporat	(282,882)	(4,165,625)	-	-
Wang Amanah KPLB	23,040,287	167,542,283	23,040,287	167,542,283
Geran kerajaan tertunda	(44,213,214)	(72,606,432)	(44,213,214)	(72,606,432)
Tunai dijana daripada aktiviti operasi	259,957,998	454,415,318	252,318,250	395,133,745

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (sambungan)

	Kumpulan		RISDA	
	2021	2020	2021	2020
	RM	RM	RM	RM
	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
Pinjaman kakitangan diberi	(23,068,059)	(27,479,220)	(23,068,059)	(23,592,792)
Bayaran semula pinjaman kakitangan	13,604,736	13,656,679	12,292,253	9,910,519
Bayaran ganjaran persaraan	(6,372,996)	(6,671,764)	(6,372,996)	(6,671,764)
Bayaran cukai dalam tahun semasa	(13,024,870)	(9,178,043)	(1,131,000)	(2,040,000)
Zakat perniagaan dibayar	(7,276,112)	(4,902,169)	(7,422,322)	(4,326,495)
Dividen diterima	690,737	4,380,923	6,152,406	179,703
Agihan keuntungan RTBB	(36,616,784)	(7,884,329)	(36,616,784)	(7,884,329)
Tunai bersih daripada aktiviti operasi	187,894,650	416,337,395	196,151,748	360,708,587
Aliran tunai digunakan dalam aktiviti pelaburan				
Hartanah, loji dan peralatan:				
- Pembelian*	(71,371,036)	(64,511,542)	(66,983,759)	(59,512,220)
- Terimaan pelupusan	4,747,341	5,253,841	4,514,257	5,260,189
Tambahan pelaburan syarikat bersekutu	-	(5,000,000)	-	(5,000,000)
Tambahan pelaburan syarikat subsidiari sedia ada melalui saham biasa dan saham keutamaan	-	-	(47,786,000)	-
Pembelian saham syarikat subsidiari daripada kepentingan tak kawal	(6,786,000)	-	-	-
Pelaburan lain:				
- Tambahan	-	-	(584,000)	(7,000,000)
- Jualan	2,000,000	-	-	1,582,675
Faedah diterima	46,869,915	47,693,439	43,221,263	43,754,890
Pertambahan deposit tetap	(127,153,867)	(330,249,067)	(68,730,361)	(342,110,934)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(151,693,647)	(346,813,329)	(136,348,600)	(363,025,400)
Aliran tunai daripada/(digunakan) dalam aktiviti pembiayaan				
Bayaran sewa beli	(1,488,400)	(3,156,140)	-	-
Bayaran liabiliti pajakan	(5,320,961)	(7,985,411)	(2,662,721)	(2,901,389)
Pinjaman diterima	52,242,142	4,514,944	-	-
Faedah dibayar	(5,744,422)	(5,877,044)	(617,963)	(803,515)
Peningkatan dalam simpanan tetap dicagarkan	-	(39,031)	-	-
Tunai bersih daripada/(digunakan) dalam aktiviti pembiayaan	39,688,359	(12,542,682)	(3,280,684)	(3,704,904)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (sambungan)

Nota	Kumpulan		RISDA	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
Peningkatan/(Pengurangan)				
bersih tunai dan setara tunai	75,889,362	56,981,384	56,522,464	(6,021,717)
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	701,562,595	644,581,211	604,006,142	610,027,859
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	777,451,957	701,562,595	660,528,606	604,006,142
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:				
Simpanan tetap tidak dicagarkan	19 707,247,321	661,892,201	598,128,815	565,817,196
Tunai dan baki di bank	108,707,398	78,946,716	62,399,791	38,188,946
Overdraif bank	20 (38,502,762)	(39,276,322)	-	-
	777,451,957	701,562,595	660,528,606	604,006,142

Penyesuaian pergerakan liabiliti ke aliran tunai yang timbul daripada aktiviti pembiayaan adalah seperti berikut :

	Baki pada awal tahun RM	Perubahan bersih aliran tunai pembiayaan RM	Tambahan pajakan dan sewa beli tahun semasa RM	Lain-lain pergerakan bukan tunai RM	Baki pada akhir tahun RM
2021					
Kumpulan					
Liabiliti pajakan	11,009,128	(5,320,961)	4,746,739	(84,586)	10,350,320
Pemiutang sewa beli	5,933,975	(1,488,400)	234,560	-	4,680,135
Pinjaman berjangka	39,697,640	52,242,142	-	-	91,939,782
	56,640,743	45,432,781	4,981,299	(84,586)	106,970,237
RISDA					
Liabiliti pajakan	7,096,161	(2,662,721)	2,494,591	-	6,928,031
	7,096,161	(2,662,721)	2,494,591	-	6,928,031
2020					
Kumpulan					
Liabiliti pajakan	15,918,572	(7,985,411)	6,169,417	(3,093,450)	11,009,128
Pemiutang sewa beli	9,090,115	(3,156,140)	-	-	5,933,975
Pinjaman berjangka	35,182,696	4,514,944	-	-	39,697,640
	60,191,383	(6,626,607)	6,169,417	(3,093,450)	56,640,743
RISDA					
Liabiliti pajakan	8,954,792	(2,901,389)	3,590,180	(2,547,422)	7,096,161
	8,954,792	(2,901,389)	3,590,180	(2,547,422)	7,096,161

* Pembelian hartanah, loji dan peralatan

Kumpulan dan RISDA telah memperoleh hartanah, loji dan peralatan yang dibiayai secara berikut :

	Kumpulan		RISDA	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Bayaran tunai	71,371,036	64,511,542	66,983,759	59,512,220
Pemiutang sewa beli	234,560	-	-	-
Penerimaan hartanah, loji dan peralatan melalui proses <i>land swap</i> (Nota 5)	-	54,188,848	-	54,188,848
	71,605,596	118,700,390	66,983,759	113,701,068



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021

1. KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

Kegiatan-kegiatan utama RISDA ialah mentadbir Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952, mengurus dan mengendali rancangan-rancangan yang disediakan dan diluluskan di bawah peruntukan Bahagian III, Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952 dan merancang dan melaksana segala inovasi bagi sektor pekebun-pekebun kecil. Akta 85 RISDA telah mengambil alih peruntukan ordinan di atas yang telah dimansuhkan pada 1 November 2016.

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 9. Tiada perubahan yang ketara ke atas kegiatan utama Kumpulan dan RISDA sepanjang tahun kewangan semasa walaupun Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengisytiharkan wabak '2019 Novel Coronavirus' atau dikenali sebagai COVID-19 sebagai pandemik, berikutan oleh kesan penularannya di seluruh dunia dan memberi kesan kepada ekonomi global.

Penyata Kewangan RISDA bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa pada 20 Februari 2023.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan RISDA telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRSs – *Malaysian Financial Reporting Standards*), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRSs – *International Financial Reporting Standards*) dan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972.

2.2 Perubahan polisi perakaunan

Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan dan RISDA menerima pakai piawaian perakaunan dan pindaan kepada MFRS dan interpretasi Jawatankuasa Interpretasi yang dikeluarkan ("Interpretasi IC") yang berkuat kuasa bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021 seperti berikut:-

Pindaan kepada Konsep Rujukan Rangka Kerja dalam Piawaian MFRS

Pindaan kepada:

MFRS 3	Definisi Perniagaan
MFRS 101 dan MFRS 108	Definisi Material
MFRS 9, MFRS 139 dan MFRS 7	Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah
MFRS 9, MFRS 139, MFRS 7, MFRS 4 dan MFRS 16	Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah - Fasa 2

Pindaan yang telah diterbitkan tersebut tidak mempunyai kesan kewangan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan RISDA.

2.3 Pindaan kepada MFRS yang telah diterbitkan tetapi belum efektif

Berikut adalah pindaan kepada MFRS yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum lagi efektif dan belum diterima pakai oleh Kumpulan dan RISDA.

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 April 2021

- Pindaan kepada MFRS 16, *Covid-19 Berkaitan Sewa Konsesi selepas 30 Jun 2021*



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

2.3 Pindaan kepada MFRS yang telah diterbitkan tetapi belum efektif (sambungan)

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2022

- Pindaan kepada MFRS 3, *Rujukan Rangka Konseptual*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan - Hasil Sebelum Penggunaan Asal*
- Pindaan kepada MFRS 137, *Kontrak Membebaskan - Kos Memenuhi Kontrak*
- Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRSs 2018 - 2020

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023

- MFRS 17, *Kontrak Insurans*
- Pindaan kepada MFRS 17, *Aplikasi Awal MFRS 17 dan MFRS 9-Maklumat Perbandingan*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pengkelasan Liabiliti Semasa atau Bukan Semasa*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pendedahan Polisi Perakaunan*
- Pindaan kepada MFRS 108, *Definisi Anggaran Perakaunan*
- Pindaan kepada MFRS 112 *Cukai Pendapatan, Aset dan Liabiliti Cukai Tertunda yang Terhasil daripada Satu Transaksi*

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2024

- Pindaan kepada MFRS 16, *Liabiliti Pajakan dalam Penjualan dan Pajakan Semula*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Liabiliti Bukan Semasa dengan Perjanjian*

Tarikh kuatkuasa telah dipinda kepada tarikh yang belum ditetapkan oleh MASB

- Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128, *Jualan dan Sumbangan Aset di antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama*

Kumpulan dan RISDA akan menerima pakai pindaan kepada piawaian perakaunan di atas, yang mana berkenaan ke atas penyata kewangan Kumpulan dan RISDA, apabila menjadi efektif. Pemakaian awal pindaan piawaian perakaunan dan tafsiran dijangka tidak memberi kesan secara ketara kepada tempoh semasa dan penyata kewangan terdahulu.

2.4 Asas Penaksiran

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 3.

2.5 Mata wang Persembahan dan Fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia ("RM"), iaitu mata wang fungsian untuk RISDA.

2.6 Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan.

Walaupun anggaran dan pandangan adalah berdasarkan pengetahuan terbaik namun demikian keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian mendasari disemak secara berterusan. Perbezaan akibat semakin kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh yang berkenaan.

Tiada perkara signifikan melibatkan ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai polisi perakaunan yang mempunyai kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf di penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan seperti berikut:-



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

2.6 Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian (sambungan)

a. Cukai tertunda dan cukai pendapatan

Kumpulan adalah tertakluk kepada pelbagai bidang penguatkuasaan cukai pendapatan dan pertimbangan yang menyeluruh diperlukan dalam menganggarkan peruntukan cukai pendapatan. Terdapat banyak transaksi dan tafsiran undang-undang yang mana hasil akhirnya tidak ditetapkan sehingga diketahui kemudian. Liabiliti cukai diiktiraf berdasarkan anggaran cukai tambahan yang akan dibayar. Proses anggaran termasuk mendapatkan nasihat mengenai cara pengendalian cukai, di mana berkenaan. Dalam keadaan di mana tanggungan akhir cukai berbeza dengan amaun yang pada mulanya dicatatkan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh di mana taksiran cukai disemak semula atau tanggungan akhir ditetapkan.

b. Ganjaran persaraan

Kumpulan dan RISDA menyediakan Ganjaran Cuti Rehat dan Manfaat Perubatan Pasca Perkhidmatan kepada kakitangan tertentu. Nilai semasa obligasi manfaat kakitangan bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan berdasarkan kaedah asas aktuari menggunakan andaian tertentu. Andaian utama yang digunakan dalam menentukan kos manfaat kakitangan adalah kadar diskaun, kadar inflasi kos perubatan dan kadar kenaikan gaji. Sebarang perubahan ke atas andaian ini akan memberi kesan kepada amaun bawaan manfaat kakitangan seperti yang didedahkan di Nota 25.

c. Rosot nilai belum terima dagangan

Semakan dibuat ke atas pinjaman dan belum terima dagangan secara individu dan kolektif pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada rosot nilai perlu direkodkan ke untung atau rugi. Anggaran-anggaran yang perlu dipertimbangkan adalah risiko kemungkiran dan jangkaan kadar kerugian. Kumpulan dan RISDA menggunakan pertimbangan dalam membuat andaian dan pemilihan input untuk pengiraan rosot nilai berdasarkan sejarah terdahulu, keadaan pasaran semasa dan juga anggaran berpandangan ke hadapan.

d. Aset biologi

Ternakan dan tanaman anak benih

Nilai saksama ternakan dan tanaman anak benih telah ditentukan berdasarkan harga pasaran bagi penjualan ternakan dan tanaman anak benih. Di bawah kaedah ini, anggaran penerimaan daripada penjualan telah dianggarkan berdasarkan umur, kebarangkalian hidup, jenis, baka dan berat apabila mencapai umur matang.

Berdasarkan anggaran tersebut, anggaran harga pasaran dibuat untuk mendapatkan jumlah pendapatan yang akan dijanakan. Nilai bersih dikira berdasarkan hasil pendapatan setelah ditolak kos penjagaan haiwan ternakan dan tanaman anak benih sehingga umur matang serta anggaran kos jualan.

Hasil sedang membesar di tumbuhan penghasil

Nilai saksama buah tandan segar yang belum matang dikira menurut kaedah pasaran yang mengambil kira harga pasaran buah tandan segar dituai yang diselaraskan kepada kadar pengekstrakan minyak dan biji sawit berdasarkan ujian makmal, dan ditolak kos penuaian, kos pengangkutan dan kos jualan yang lain.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam tempoh tahun kewangan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.1 Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan mengandungi penyata kewangan RISDA dan syarikat subsidiari yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Penyata Kewangan subsidiari disediakan pada tempoh pelaporan yang sama dengan RISDA serta menggunakan dasar perakaunan yang konsisten untuk transaksi dan peristiwa yang mempunyai keadaan yang sama.

Syarikat subsidiari disatukan dari tarikh Kumpulan memperoleh kawalan dan terus disatukan sehingga ke tarikh kawalan tersebut tamat. Untuk menyediakan penyata kewangan yang disatukan, semua baki antara syarikat, keuntungan dan perbelanjaan serta keuntungan atau kerugian tidak direalisasi yang terhasil daripada baki transaksi antara syarikat dihapuskan sepenuhnya.

Keuntungan tidak nyata daripada transaksi antara Kumpulan dan entiti kawalan bersama dihapuskan setakat mana kepentingan milik Kumpulan dan entiti kawalan bersama tersebut. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan mengikut asas yang sama tetapi hanya setakat tiada sebarang bukti menunjukkan telah berlaku rosot nilai.

3.2 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Syarikat subsidiari adalah semua entiti (termasuk yang ditubuhkan untuk tujuan khas) di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak ke atas pulangan daripada penglibatan dalam entiti tersebut serta mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan entiti terlibat melalui kuasa ke atas entiti tersebut. Syarikat subsidiari disatukan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Status syarikat subsidiari akan dibatalkan bermula daripada tarikh kawalan berakhir.

Pelaburan di dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.19.

Kaedah perakaunan pembelian digunakan bagi perakaunan penyatuan syarikat subsidiari. Berdasarkan kaedah ini, syarikat subsidiari disatukan mulai dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan penyatuan dihentikan mulai dari tarikh kawalan berakhir. Kos pengambilalihan ditaksir pada nilai saksama aset-aset yang diberikan, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau yang diambil alih pada tarikh urus niaga, dicampur kos yang berkaitan secara terus semasa pengambilalihan.

Aset dan liabiliti yang dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung pada penyatuan perniagaan pada awalnya ditaksir mengikut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira kepentingan bukan kawalan. Lebihan kos pengambilalihan dan nilai saksama atas aset bersih yang dikenal pasti oleh Kumpulan semasa tarikh pengambilalihan dinyatakan sebagai muhibah. Sekiranya kos pengambilalihan kurang dari nilai saksama atas aset bersih syarikat subsidiari yang diambil alih, perbezaan itu akan diiktiraf terus ke untung atau rugi.

Kepentingan bukan kawalan merupakan bahagian minoriti terhadap untung atau rugi dan aset bersih syarikat subsidiari bagi ekuiti yang tidak dipunyai secara langsung atau tidak langsung oleh entiti induk.

Kepentingan bukan kawalan ditaksir pada bahagian minoriti terhadap nilai saksama aset dan liabiliti syarikat subsidiari yang telah dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti terhadap perubahan ke atas ekuiti syarikat subsidiari mulai dari tarikh tersebut.

Urus niaga dalam Kumpulan, baki dan untung tidak nyata atas urus niaga di antara syarikat Kumpulan adalah dihapuskan. Begitu juga rugi tidak nyata turut dihapuskan tetapi dianggap sebagai petunjuk rosot nilai atas aset yang dipindahkan.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari (sambungan)

Untung atau rugi atas pelupusan syarikat subsidiari adalah perbezaan di antara bayaran bersih yang diterima dan bahagian milik Kumpulan atas aset bersih syarikat subsidiari pada tarikh pelupusan termasuk amaun terkumpul atas perbezaan pertukaran mata wang asing yang berkaitan dengan syarikat subsidiari dan diiktiraf ke untung atau rugi disatukan.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, kawalan bersama atau pengaruh berkesan, sebarang kepentingan yang dikekalkan dalam RISDA ditaksir semula kepada nilai saksama dengan perubahan dalam jumlah nilai bawa diiktiraf ke untung rugi. Nilai saksama ini adalah nilai saksamanya daripada pengiktirafan permulaan sebagai aset kewangan. Sebarang jumlah yang diiktiraf sebelumnya ke penyata pendapatan komprehensif berhubung entiti berkenaan diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan aset atau tanggungan berkaitan secara langsung. Oleh itu, ia diambil kira sebagai syarikat yang dilabur berasaskan ekuiti atau instrumen kewangan bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan.

3.3 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan dalam membuat keputusan mengenai polisi kewangan dan operasi. Pengaruh signifikan adalah kuasa untuk terlibat dalam membuat keputusan polisi kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan untuk melaksanakan kawalan atas polisi tersebut.

Kewujudan dan kesan instrumen yang mempunyai potensi hak mengundi, yang boleh digunakan atau ditukarkan pada tarikh semasa diambil kira dalam menentukan sama ada Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan ke atas entiti lain.

Kaedah perakaunan ekuiti digunakan bagi perakaunan pelaburan dalam syarikat bersekutu yang pada mulanya dinyatakan pada kos. Pelaburan dalam syarikat bersekutu oleh Kumpulan adalah termasuk muhibah yang dikenal pasti semasa tarikh pengambilalihan selepas ditolak rosot nilai terkumpul atas muhibah.

Bahagian Kumpulan ke atas keuntungan atau kerugian syarikat bersekutu selepas pengambilalihan diiktiraf ke untung atau rugi dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos berserta pelarasan untuk menunjukkan perubahan ke atas bahagian aset bersih Kumpulan di dalam syarikat bersekutu berkenaan.

Pelaburan tersiar harga dan tidak tersiar harga di dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos termasuk kos transaksi dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.19.

3.4 Mata Wang Asing

Transaksi dan Baki Dalam Mata Wang Asing

Transaksi dalam mata wang asing dikira bersamaan dengan mata wang fungsian masing-masing bagi syarikat-syarikat subsidiari dan direkodkan pada pengiktirafan asal mata wang fungsi tersebut berdasarkan anggaran kadar tukaran pada tarikh urus niaga tersebut dilaksanakan. Aset kewangan dan liabiliti dalam mata wang asing dikira pada kadar tukaran yang berkuat kuasa pada tarikh berakhir tahun kewangan.

Perkara-perkara bukan monetari dengan denominasi mata wang asing yang dinilai pada kos sejarah diterjemah menggunakan kadar tukaran pada tarikh transaksi asal dibuat. Item-item bukan monetari dengan denominasi mata wang asing yang dinilai pada nilai saksama diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan tukaran yang terhasil daripada penyelesaian item monetari atau dalam terjemahan item monetari pada tarikh laporan diiktiraf ke untung atau rugi kecuali untuk perbezaan tukaran yang terhasil daripada item monetari yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing yang pada asalnya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di bawah rizab terjemahan mata wang asing di penyata kedudukan kewangan.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.4 Mata Wang Asing (sambungan)

Transaksi dan Baki Dalam Mata Wang Asing (sambungan)

Perbezaan tukaran yang terhasil daripada terjemahan item bukan monetari yang dibawa pada nilai yang saksama dimasukkan ke untung atau rugi bagi tahun tersebut kecuali bagi perbezaan yang timbul daripada terjemahan item bukan monetari di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf terus ke penyata kedudukan kewangan.

3.5 Instrumen Kewangan

Aset atau liabiliti kewangan diiktiraf ke penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan menjadi satu pihak kepada peruntukan perundangan kontrak instrumen berkenaan.

Aset kewangan (kecuali penghutang dagangan tanpa komponen pembiayaan secara ketara) atau liabiliti kewangan pada permulaan ditaksir pada nilai saksama. Untuk perkara yang bukan melalui untung atau rugi, taksiran dibuat pada nilai saksama dicampur (atau tolak) kos transaksi perolehan atau terbitan.

3.5.1 Pengiktirafan dan taksiran awal

Instrumen kewangan dinyatakan semasa permulaan pada harga transaksi termasuk kos transaksi (kecuali aset atau liabiliti kewangan yang dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi) melainkan untuk urusan yang, secara efektif, bersifat transaksi pembiayaan.

Bagi urusan bersifat transaksi pembiayaan, aset atau liabiliti kewangan ditaksir pada nilai semasa untuk bayaran masa hadapan dan didiskaun pada kadar pasaran instrumen hutang yang bersamaan.

3.5.2 Pengkelasan dan taksiran berikutan

3.5.2.1 Aset kewangan

Kategori aset kewangan dibuat penentuan semasa pengiktirafan awal dan tidak ditukar pengkelasan kecuali terdapat perubahan kepada model perniagaan untuk mengurus aset kewangan yang mana kesemua aset kewangan ditukar pengkelasan pada hari pertama tempoh pelaporan pertama berikutan perubahan model perniagaan.

a. Kos terlunas

Aset kewangan ditaksir pada kos terlunas sekiranya terdapat dua keadaan berikut:-

- dipegang secara model perniagaan berobjektif memegang aset untuk menerima aliran tunai kontraktual; dan
- terma kontraktual mewujudkan tarikh spesifik aliran tunai untuk bayaran prinsipal dan faedah ke atas amaun prinsipal yang masih belum berbayar.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan berkenaan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif dan tertakluk kepada rosot nilai. Pendapatan atau kerugian diiktiraf ke untung atau rugi apabila aset berkenaan dinyahiktiraf, dimodifikasi atau dirosot nilai.

Instrumen hutang yang memenuhi syarat berikut ditaksir pada kos terlunas menggunakan kadar faedah efektif:-

- pulangan kepada pemegang boleh ditentukan, sebagai contoh: amaun tetap dan/atau pulangan berkadar berubah yang berpaksi kepada kadar faedah boleh diperhati atau disebut harga;
- tidak terdapat kehendak kontraktual yang memungkinkan pemegang kehilangan amaun prinsipal atau sebarang faedah berpunca kepada tahun sebelum atau semasa; dan
- opsyen prabayar, sekiranya ada, tidak bergantung kepada kejadian akan datang.

b. Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")

i. Instrumen hutang

Kategori nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain mengandungi pelaburan hutang dipegang secara model perniagaan berobjektif untuk menerima aliran tunai kontraktual dan menjual pelaburan hutang, dan terma kontraktual menerbitkan aliran tunai pada tarikh tertentu sebagai bayaran prinsipal dan faedah untuk baki belum berbayar. Pelaburan hutang ini tidak dikelaskan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.5 Instrumen Kewangan (sambungan)

3.5.2 Pengkelasan dan taksiran berikutan (sambungan)

3.5.2.1 Aset kewangan (sambungan)

b. Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI") (sambungan)

i. Instrumen hutang (sambungan)

Pendapatan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif, rosot nilai dan keuntungan atau kerugian mata wang asing diiktiraf di dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian lain diiktiraf ke pendapatan komprehensif lain.

Apabila dinyahiktiraf, keuntungan atau kerugian terkumpul di dalam pendapatan komprehensif lain dipindah ke untung atau rugi.

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kadar faedah efektif kepada nilai bawa kasar kecuali aset kewangan yang sudah dirosot nilai yang mana kadar faedah efektif dikenakan kepada kos terlunas.

ii. Pelaburan ekuiti

Kategori ini merujuk kepada pelaburan ekuiti dipegang bukan bertujuan untuk diniagakan. Kumpulan dan RISDA berkeputusan kekal memilih untuk menunjukkan perubahan berikutan di dalam pendapatan komprehensif lain. Pemilihan ini dibuat secara satu pelaburan ke pelaburan selanjutnya.

Dividen diiktiraf ke untung atau rugi melainkan sekiranya nyata yang dividen merupakan pulangan kepada kos pelaburan. Kerugian atau keuntungan lain diiktiraf ke pendapatan komprehensif lain.

Apabila dinyahiktiraf, keuntungan atau kerugian terkumpul di dalam pendapatan komprehensif lain tidak dipindah ke untung atau rugi.

c. Nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Semua aset kewangan yang mana tidak ditaksir pada kos terlunas atau nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain, ditaksir pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Aset kewangan dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi ditaksir berikutnya pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian bersih, termasuk faedah atau pendapatan dividen diiktiraf ke untung atau rugi.

3.5.2.2 Liabiliti kewangan

Kategori liabiliti kewangan adalah seperti berikut:-

a. Nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Liabiliti kewangan diiktiraf pada FVTPL sekiranya diklasifikasi sebagai dipegang untuk diniaga, ia adalah derivatif atau ditentukan sedemikian semasa pengiktirafan awal. Liabiliti kewangan pada FVTPL ditaksir pada nilai saksama dan keuntungan dan kerugian bersih, termasuk perbelanjaan faedah, diiktiraf ke dalam untung atau rugi.

b. Kos terlunas

Liabiliti kewangan lain yang tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ditaksir berikutnya pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif.

Perbelanjaan faedah dan keuntungan dan kerugian pertukaran wang asing diiktiraf ke untung atau rugi. Sebarang keuntungan atau kerugian semasa penyahiktirafan juga diiktiraf ke untung atau rugi.

3.5.3 Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan merupakan kontrak yang membuatkan penerbit jaminan untuk membayar kepada pemegang jaminan berkenaan sebagai ganti disebabkan penghutang tertentu gagal membayar bila sampai waktu mengikut terma instrumen hutang.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.5 Instrumen Kewangan (sambungan)

3.5.3 Kontrak jaminan kewangan (sambungan)

Jaminan kewangan yang diterbitkan pada permulaan ditaksir pada nilai saksama. Berikutnya, taksiran dibuat pada jumlah yang lebih tinggi di antara:-

- amaun kerugian peruntukan; dan
- amaun asal selepas, bila sesuai, amaun kumulatif pendapatan diiktiraf mengikut MFRS 15, *Pendapatan dari Pelanggan Kontrak*.

Liabiliti wujud dari jaminan kewangan dinyatakan bersama dengan peruntukan liabiliti lain.

3.5.4 Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian darinya akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya bila, hak kontraktual ke atas aliran tunai dari aset kewangan telah tamat atau diselesai, atau kawalan ke atas aset tidak lagi dipegang atau risiko dan ganjaran ketara pemilikan aset kewangan sudah bertukar kepada pihak lain.

Bila aset kewangan dinyahiktiraf, perbezaan diantara nilai bawa aset yang dinyahiktiraf dan balasan yang diterima, termasuk sebarang hak dan obligasi yang diwujudkan, diiktiraf ke untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian darinya akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya bila, obligasi tertera di dalam kontrak sudah dilupus, dibatal atau ditamat.

Bila liabiliti kewangan dinyahiktiraf, perbezaan di antara nilai bawa liabiliti yang diselesai atau dipindah kepada pihak lain dan balasan yang diterima, termasuk sebarang aset bukan tunai dipindah atau liabiliti ditanggung, akan diiktiraf ke untung atau rugi.

3.5.5 Offset

Aset dan liabiliti kewangan dioffset dan amaun bersih dinyatakan di penyata kedudukan kewangan hanya apabila terdapat hak perundangan untuk mengoffset amaun-amaun dan memang hasrat penyelesaian adalah dibuat secara perkiraan bersih atau menzahirkan aset dan liabiliti secara serentak.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.6 Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

3.6.1 Pengiktirafan dan Taksiran

Satu-satu perolehan harta yang bernilai RM5,000 dan ke atas dianggap material dan perlu dipermodalkan. Harta modal merupakan aset alih yang harga perolehan asalnya RM5,000 dan ke atas tiap-tiap satu unit atau set; atau aset alih yang memerlukan penyelenggaraan secara berjadual tanpa mengira harga perolehan asal.

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Perisian komputer yang bersepadu dengan fungsi peralatan berkenaan dikaedahkan sebagai sebahagian aset yang berkenaan. Apabila terdapat bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan peralatan mempunyai anggaran usia penggunaan yang berbeza, bahagian berkenaan akan dikaedahkan sebagai aset berasingan.

Apabila hartanah, loji dan peralatan dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai bawa aset berkenaan dan akan dikredit atau didebitkan ke untung atau rugi, di mana berkenaan.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan mengalir kepada Kumpulan dan RISDA dan kos tersebut boleh ditaksir dengan munasabah.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawa aset berkenaan sekiranya terdapat manfaat ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dinikmati pada masa hadapan dan kos berkenaan boleh ditaksir dengan wajarnya. Nilai bawa untuk komponen yang ditukar dinyahiktiraf ke untung atau rugi.

3.6.2 Susut Nilai

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza, komponen berkenaan disusut nilai secara berasingan.

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan berikut:

Tanah pajakan	30 – 99 tahun
Bangunan	10 – 50 tahun
Perabot, kelengkapan pejabat, komputer dan kenderaan	5 – 10 tahun
Loji dan mesin	10 tahun

Kerja dalam pembinaan dan tanah milik bebas tidak disusutnilai.

3.6.3 Tumbuhan penghasil

Tumbuhan penghasil adalah tumbuhan hidup yang digunakan untuk mengeluarkan hasil agrikultur lebih dari setahun, jauh dari kemungkinan untuk dijual sebagai hasil agrikultur, kecuali sebagai jualan sisa. Tumbuhan penghasil yang tersedia untuk menghasilkan diukur pada kos selepas susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Kos termasuk perbelanjaan menanam, yang mewakili kos bermula dari membersihkan kawasan tanah sehingga titik tuaian. Tumbuhan penghasil mempunyai kitaran hidup purata dua puluh tiga (23) tahun yang mana tiga (3) tahun mana sebagai tumbuhan belum matang dan tahun selanjutnya sebagai tumbuhan matang. Tumbuhan matang disusut nilai secara kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat selama dua puluh (20) tahun. Tumbuhan belum matang tidak di susut nilai sehingga boleh mula menghasilkan. Tumbuhan penghasil adalah tumbuhan hidup yang digunakan untuk mengeluarkan hasil agrikultur lebih dari setahun, jauh dari kemungkinan untuk dijual sebagai hasil agrikultur, kecuali sebagai jualan sisa. Tumbuhan penghasil yang tersedia untuk menghasilkan diukur pada kos selepas susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Kos termasuk perbelanjaan menanam, yang mewakili kos bermula dari membersihkan kawasan tanah sehingga titik tuaian. Tumbuhan penghasil mempunyai kitaran hidup purata dua puluh tiga (23) tahun yang mana tiga (3) tahun mana sebagai tumbuhan belum matang dan tahun selanjutnya sebagai tumbuhan matang. Tumbuhan matang disusut nilai secara kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat selama dua puluh (20) tahun. Tumbuhan belum matang tidak di susut nilai sehingga boleh mula menghasilkan.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.7 Aset Biologi

Hasil sedang membesar di tumbuhan penghasil

Hasil sedang membesar di tumbuhan penghasil diukur pada nilai saksama selepas kos untuk menjual. Sebarang keuntungan atau kerugian dari perubahan nilai saksama selepas kos untuk menjual di tumbuhan penghasil diiktiraf ke untung atau rugi. Nilai saksama diukur pada nilai semasa jangkaan aliran tunai dari hasil yang sedang membesar di tumbuhan penghasil. Jangkaan aliran tunai di anggar menggunakan kaedah “output” dan anggaran harga pasaran hasil yang sedang membesar di tumbuhan penghasil.

Inventori yang terdiri daripada ternakan dan tanaman anak benih dinilai mengikut nilai pasaran bersih selepas mengambil kira anggaran kos pada masa jualan dibuat. Nilai pasaran bersih adalah nilai pasaran ternakan dan tanaman anak benih tersebut selepas ditolak kos pengangkutan dan kos lain yang terlibat bagi urusan membawa ternakan dan anak benih tersebut ke pasar. Anggaran kos pada masa jualan termasuk pembayaran komisen, cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian, dan cukai pindahan dan duti, jika berkenaan.

3.8 Kos Pembangunan Hartanah

Kos pembangunan hartanah merangkumi setiap kos yang berkait terus kepada aktiviti pembangunan atau kos yang diperuntukkan secara munasabah terhadap aktiviti-aktiviti tersebut.

Apabila hasil kewangan dari pembangunan hartanah itu dapat dinilai secara munasabah, pendapatan dan perbelanjaan pembangunan hartanah dinyatakan dalam untung atau rugi berdasarkan kaedah input, berdasarkan kepada tahap obligasi pelaksanaan yang telah dipenuhi, dengan merujuk kepada kos kontrak yang ditanggung sehingga akhir tempoh pelaporan sebagai peratusan dari jumlah anggaran kos untuk setiap kontrak.

Di mana hasil kewangan sesuatu aktiviti pembangunan tidak dapat dianggarkan secara berkesan, hasil pembangunan hartanah diiktiraf hanya pada peringkat kos pembangunan hartanah yang berkemungkinan diperolehi kembali, serta kos pembangunan hartanah ke atas hartanah yang dijual sebagai perbelanjaan pada jangka masa ia berlaku.

Sebarang jangkaan kerugian ke atas projek pembangunan, termasuk kos yang terlibat dalam jangka masa liabiliti kemerosotan, diiktiraf segera sebagai perbelanjaan.

Kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan diiktiraf sebagai aset, dan diukur sejauh mana kos pembangunan harta boleh diperolehi.

3.9 Inventori

Inventori yang terdiri daripada minyak sawit mentah, isirong, pengeluaran berasaskan getah, baja, bahan kimia, kacang penutup bumi, peralatan ladang dan alat gantian, dinyatakan pada kos atau nilai boleh realisasi bersih, yang mana lebih rendah. Kos dinyatakan berdasarkan kos purata berlawanan. Kos terdiri daripada harga belian asal dan kos-kos lain yang ditanggung untuk membawa inventori ke lokasi semasa. Nilai pasaran bersih terdiri daripada nilai anggaran jualan biasa ditolak kos-kos jualan dan pengedaran dan semua kos terlibat dalam penyediaan barangan.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.10 Pelaburan Hartanah

Pelaburan hartanah terdiri daripada tanah dan bangunan yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya dan tidak diduduki sepenuhnya atau pada bahagian yang tidak signifikan.

Pelaburan hartanah asalnya dinyatakan pada kos yang termasuk perbelanjaan yang berkait secara langsung untuk mendapatkan aset berkenaan.

Kumpulan menerima pakai model kos bagi menyatakan semua pelaburan hartanah. Dalam model kos, pelaburan hartanah dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Bangunan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan 50 tahun.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai aset. Jika petunjuk sedemikian wujud, jumlah dibawa aset diturunkan dengan serta merta kepada jumlah boleh diperolehi sekiranya jumlah dibawa aset adalah lebih besar daripada jumlah yang boleh diperolehi semula.

Pelaburan hartanah dinyahiktiraf apabila dijual atau penggunaan dihentikan dan tiada manfaat ekonomi yang akan diperolehi apabila dilupuskan. Perbezaan diantara terimaan bersih dan nilai bawa diiktiraf ke untung atau rugi dalam tempoh tahun kewangan aset berkenaan dinyahiktiraf.

3.11 Geran Kerajaan Tertunda

Geran Kerajaan Tertunda diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima. Kaedah pelunasan geran adalah seperti dinyatakan di Nota 3.14.

3.12 Peruntukan Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila wujud obligasi semasa yang konstruktif dan dari segi perundangan, kesan daripada peristiwa lalu dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk membayangkan anggaran semasa terbaik. Jika tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu, peruntukan tersebut akan dibalikkan.

Apabila pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

3.13 Tunai dan Setara Tunai

Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan setara tunai adalah terdiri daripada tunai di tangan, baki dalam bank dan pelaburan yang berkecairan tinggi yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

Bagi penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai dinyatakan setelah ditolak overdraf bank dan simpanan tetap yang dicagarkan.

3.14 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan Kumpulan mewakili geran kerajaan, kutipan ses, barangan jualan, pendapatan sewa, yuran pengurusan dan perkhidmatan perundingan, komisen bersih selepas ditolak yuran pengenalan pelanggan berkaitan dengan perniagaan ejen insurans, perkhidmatan keselamatan, perkhidmatan pengangkutan dan pendapatan daripada yuran kursus dan latihan. Pendapatan RISDA mewakili geran kerajaan, kutipan ses, barangan jualan dan pendapatan sewa.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.14 Pengiktirafan Pendapatan (sambungan)

Pendapatan diiktiraf mengikut asas berikut:

- Geran kerajaan tanpa syarat perlaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila geran berkenaan dapat dipastikan penerimaannya. Geran kerajaan dengan syarat perlaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila terlaksana syarat-syarat berkenaan.
- Kutipan ses dari Kastam – apabila wang ses diterima daripada Kastam Di Raja Malaysia.
- Kutipan ses dari Lembaga Getah Malaysia (LGM) – apabila wang diterima daripada LGM bagi getah yang dijual dalam negeri.
- Barangan jualan – selepas penghantaran barangan dan terimaan oleh pelanggan, ditolak diskaun, pengembalian dan apabila risiko serta kawalan berpindah kepada pelanggan.
- Pendapatan sewa – atas dasar akruan selaras dengan kandungan perjanjian sewaan berkaitan.
- Komisen selepas ditolak yuran pengenalan pelanggan – berdasarkan kepada tarikh permulaan atau tarikh bil yang mana terkemudian; dan pelarasan premium, termasuk pembatalan dasar, diiktiraf apabila ia berlaku.
- Pendapatan daripada yuran kursus dan latihan – apabila kursus dan latihan telah dijalankan.

3.15 Pajakan

Sesuatu kontrak adalah kontrak pajakan sekiranya kontrak berkenaan menurunkan hak untuk mengawal kegunaan aset yang dikenal pasti untuk sesuatu tempoh masa dengan balasan sebagai pertukaran. Untuk menentukan sama ada sesuatu kontrak menurunkan hak untuk mengawal sesuatu aset yang dikenal pasti, semakan dibuat sama ada:-

- Kontrak berkenaan disertai dengan aset yang dikenal pasti secara nyata atau tersirat, dan dapat dibeza secara fizikal atau diwakili dengan ketara kesemua kemampuan aset yang boleh dibeza secara fizikal. Sekiranya pembekal mempunyai hak substantif untuk menukar, aset berkenaan tidak dikenal pasti;
- Pelanggan mempunyai hak untuk mendapatkan manfaat ketara ekonomi dari penggunaan aset sepanjang tempoh guna; dan
- Pelanggan mempunyai hak untuk mengawal penggunaan aset. Hak ini terdapat kepada pelanggan apabila terdapat hak membuat keputusan yang paling relevan tentang bagaimana dan tujuan aset berkenaan digunakan.

Pada permulaan atau semasa semakan semula kontrak yang mengandungi komponen pajakan, balasan kontrak dibahagikan kepada komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga berasingan masing-masing.

3.15.1 Sebagai pemajak

Kumpulan dan RISDA menilai sama ada kontrak adalah pajakan atau mengandungi pajakan, semasa kontrak bermula. Kumpulan dan RISDA mengiktiraf hak penggunaan aset dan liabiliti pajakan yang berkaitan dengan semua pengaturan pajakan di mana ia adalah pemajak, kecuali pajakan jangka pendek (ditakrifkan sebagai pajakan dengan tempoh pajakan 12 bulan atau kurang) dan pajakan aset bernilai rendah. Untuk pajakan ini, Kumpulan dan RISDA mengiktiraf pembayaran pajakan sebagai perbelanjaan operasi berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan melainkan terdapat asas sistematik lain yang lebih hampir dengan corak masa manfaat ekonomi diperolehi daripada aset yang dipajak.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.15 Pajak (sambungan)

3.15.1 Sebagai pemajak (sambungan)

Liabiliti pajak pada mulanya diukur pada nilai kini pembayaran pajak yang tidak dibayar pada tarikh permulaan, didiskaunkan dengan menggunakan kadar yang tersirat dalam pajak. Sekiranya kadar ini tidak dapat ditentukan dengan mudah, Kumpulan dan RISDA menggunakan kadar kenaikan pinjamannya.

Pembayaran sewa yang termasuk dalam pengukuran liabiliti pajak meliputi:

- i) Bayaran sewa tetap (termasuk pembayaran tetap dalam kandungan), ditolak sebarang insentif sewa yang boleh diterima;
- ii) Pembayaran sewa berubah yang bergantung pada indeks atau kadar, yang pada mulanya diukur menggunakan indeks atau kadar pada tarikh permulaan;
- iii) Amaun yang dijangka akan dibayar oleh pemajak di bawah jaminan nilai baki;
- iv) Harga pelaksanaan opsyen pembelian, sekiranya penyewa sewajarnya pasti melaksanakan opsyen tersebut; dan
- v) Pembayaran denda untuk menamatkan pajak, jika jangka masa pajak mencerminkan pelaksanaan pilihan untuk menghentikan pajak.

Liabiliti pajak dinyatakan sebagai item berasingan dalam penyata kedudukan kewangan.

Liabiliti pajak kemudiannya diukur dengan meningkatkan amaun bawaan untuk menunjukkan faedah ke atas liabiliti pajak (menggunakan kaedah faedah efektif) dan dengan mengurangkan amaun bawaan untuk menunjukkan pembayaran pajak yang dibuat.

Kumpulan dan RISDA menilai liabiliti pajak (dan membuat penyesuaian yang sesuai dengan hak penggunaan aset yang berkaitan) apabila:

- (i) Jangka waktu pajak telah berubah atau terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang signifikan yang menyebabkan perubahan dalam penilaian pelaksanaan opsyen pembelian, di mana dalam hal ini kewajiban pajak diukur dengan mendiskaunkan pembayaran sewa yang disemak semula dengan menggunakan harga diskaun yang disemak semula.
- (ii) Pembayaran sewa berubah kerana perubahan dalam indeks atau kadar atau perubahan pembayaran yang dijangkakan di bawah nilai baki yang dijamin, di mana kes tanggungan sewa diukur dengan mendiskaunkan pembayaran sewa yang disemak semula menggunakan kadar diskaun yang tidak berubah (kecuali pembayaran sewa perubahan disebabkan oleh perubahan kadar faedah terapan, di mana kadar diskaun yang disemak semula digunakan).
- (iii) Kontrak pajak diubah dan pengubahsuaian pajak tidak diambil kira sebagai pajak terpisah, dalam hal ini liabiliti pajak diukur berdasarkan jangka masa pajak yang diubah dengan mendiskaunkan pembayaran pajak yang disemak semula dengan menggunakan kadar diskaun yang disemak semula pada tarikh kuat kuasa pengubahsuaian.

Kumpulan dan RISDA tidak membuat penyesuaian sedemikian dalam tempoh yang dibentangkan.

Hak penggunaan aset merangkumi pengukuran awal liabiliti pajak yang sesuai, pembayaran Kumpulan dan RISDA tidak membuat penyesuaian sedemikian dalam tempoh pajak yang dibuat pada atau sebelum hari permulaan, ditolak insentif sewa yang diterima dan sebarang kos langsung awal. Kemudiannya ia diukur pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai.

Apabila Kumpulan dan RISDA mempunyai obligasi terhadap kos untuk merombak and mengeluarkan aset pajak, memulihkan tapak lokasi pajak atau mengembalikan aset tersebut ke keadaan yang diperlukan oleh terma dan syarat pajak, peruntukan akan diiktiraf dan diukur di bawah MFRS 137, *Peruntukan, Liabiliti dan Aset Kontingensi*. Kos akan dimasukkan ke dalam hak penggunaan aset tersebut, kecuali kos tersebut ditanggung untuk menghasilkan inventori.

Hak penggunaan aset disusutnilai berdasarkan tempoh lebih pendek jangka masa pajak dan jangka hayat aset tersebut. Sekiranya pajak memindahkan hak milik aset tersebut atau kos hak penggunaan aset menunjukkan bahawa Kumpulan dan RISDA menjangka akan melaksanakan opsyen pembelian, hak penggunaan aset yang berkaitan akan disusutnilai di sepanjang tempoh anggaran hayat penggunaannya. Susutnilai bermula pada tarikh permulaan pajak.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.15 Pajak (sambungan)

3.15.1 Sebagai pemajak (sambungan)

Hak penggunaan aset dinyatakan sebagai item berasingan dalam penyata kedudukan kewangan.

Kumpulan dan RISDA mengguna pakai MFRS 136, *Rosot Nilai Aset* untuk menentukan sama ada hak penggunaan aset adalah terjejas dan mengambil kira kerugian penurunan nilai yang dikenal pasti seperti yang dijelaskan dalam dasar 'Hartanah, Loji dan Peralatan'.

Pajakan berubah yang tidak bergantung pada indeks atau kadar tidak akan dimasukkan dalam pengukuran liabiliti pajak dan hak penggunaan aset. Pembayaran berkaitan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana peristiwa atau keadaan yang mencetuskan pembayaran tersebut berlaku dan termasuk dalam "Perbelanjaan operasi lain" dalam untung atau rugi.

Sebagai kaedah praktikal, MFRS 16 membenarkan pemajak untuk tidak memisahkan komponen bukan pajak, dan sebaliknya mengambil kira sebarang pajak dan komponen bukan pajak yang berkaitan sebagai satu pengaturan. Kumpulan dan RISDA tidak menggunakan kaedah praktikal ini. Bagi kontrak yang mengandungi komponen pajak dan satu atau lebih komponen pajak atau bukan pajak tambahan, Kumpulan dan RISDA memperuntukkan pertimbangan dalam kontrak kepada setiap komponen pajak berdasarkan harga relatif komponen pajak dan harga komponen bukan pajak.

Untuk pajak aset bernilai rendah, Kumpulan dan RISDA telah memilih untuk mengiktiraf perbelanjaan pajak secara garis lurus seperti yang dibenarkan oleh MFRS 16. Perbelanjaan ini dinyatakan dalam 'perbelanjaan operasi lain' dalam untung atau rugi.

3.15.2 Sebagai pemberi pajak

Penentuan dilakukan semasa permulaan sama ada pajak yang dibuat adalah pajak kewangan atau operasi.

Untuk mengklasifikasi setiap pajak, semakan keseluruhan dibuat sama ada pajak berkenaan memindahkan secara ketara risiko dan ganjaran berkaitan pemilikan aset. Dalam keadaan sebegini, pajak berkenaan adalah pajak kewangan dan bukan pajak operasi.

Sekiranya terdapat komponen pajak dan bukan pajak, MFRS 15 digunakan untuk membahagikan balasan kontrak berdasarkan harga berasingan.

Aset yang dipegang secara pajak kewangan diterangkan sebagai penghutang pajak di dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun bersamaan dengan pelaburan bersih di dalam pajak berkenaan. Kadar faedah implisit di dalam pajak digunakan untuk menaksir pelaburan bersih pajak berkenaan.

Untuk pajak operasi, bayaran pajak diiktiraf sebagai pendapatan secara garis lurus sepanjang tempoh pajak.

3.16 Cukai semasa dan tertunda

Perbelanjaan cukai atas keuntungan tahun semasa mengandungi cukai semasa dan juga cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah jangkaan perbelanjaan cukai yang berkaitan dengan keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan dikira mengikut kadar cukai yang telah digubalkan pada akhir tempoh pelaporan.

Cukai tertunda diiktirafkan secara penuh, berdasarkan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara di antara asas cukai aset-aset dan liabiliti-liabiliti dan nilai pembawa dalam penyata kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap di mana berkemungkinan keuntungan dicukai akan tersedia ada di mana perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai belum diguna dapat digunakan.

Cukai tertunda dikira mengikut kadar cukai yang dijangka akan digunakan apabila aset diiktiraf atau apabila liabiliti diselesaikan, berdasarkan kepada kadar cukai yang telah digubal atau hampir sepenuhnya digubal pada tarikh akhir tempoh pelaporan.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.16 Cukai semasa dan tertunda (sambungan)

Nilai pembawa aset cukai tertunda adalah disemak pada akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada kemungkinan pendapatan bercukai yang cukup akan wujud untuk membolehkan keseluruhan atau sebahagian aset tersebut direalisasi.

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda diimbangkan apabila mempunyai hak yang dibenarkan untuk mengimbangkan aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan jika ia berkait dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh penguasa cukai yang sama serta Kumpulan dan RISDA berhasrat untuk menyelesaikan aset cukai semasa dan liabiliti cukai semasa pada asas bersih.

3.17 Zakat

Perbelanjaan zakat perniagaan diiktiraf di dalam penyata untung rugi mengikut tempoh transaksi berlaku.

3.18 Manfaat Kakitangan

a. Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan cuti diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Faedah jangka pendek terkumpul berbayar seperti gantikan cuti rehat terkumpul yang dibayar pada masa persaraan diiktiraf dalam tahun perkhidmatan diberikan di mana kakitangan mendapat kelayakan tersebut.

b. Pelan Caruman ditentukan

Kumpulan dan RISDA dikehendaki membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Persaraan. Majikan dan kakitangan Kumpulan dan RISDA masing-masing membuat sumbangan bulanan kepada KWSP mengikut kadar yang ditetapkan. Sumbangan Kumpulan dan RISDA kepada KWSP ditunjukkan berasingan sebagai kos kakitangan.

c. Manfaat Jangka Panjang

Kumpulan menerima pakai MFRS 119, *(Disemak) – Manfaat Kakitangan*. Mengikut piawaian yang telah dipinda, keuntungan atau kerugian atas penilaian aktuari diiktiraf ke pendapatan komprehensif lain dalam tempoh kewangan di mana ia berlaku sepenuhnya.

Bayaran manfaat pekerja jangka panjang selepas persaraan dan/atau selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak diiktiraf secara akrual ke untung atau rugi tahun semasa sebagai bayaran manfaat pekerja dan di penyata kedudukan kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Ganjaran Persaraan Kakitangan.

Jenis manfaat jangka panjang diiktiraf secara asas akrual adalah:

- Manfaat perubatan pasca perkhidmatan; dan
- Ganjaran gantikan cuti rehat.

Nilai semasa manfaat perubatan pasca perkhidmatan bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan sebagai asas aktuari dengan menggunakan beberapa andaian. Andaian adalah digunakan untuk menentukan kos bersih bagi perubatan pesara, termasuk kadar diskaun dan jangkaan kadar kos perubatan. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan ke atas nilai dibawa manfaat perubatan pasca perkhidmatan.

Bagi nilai semasa ganjaran gantikan cuti rehat, ia bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan sebagai asas aktuari dengan menggunakan beberapa andaian. Andaian diguna untuk menentukan jumlah gratuiti, termasuk kadar diskaun, jangkaan kadar kenaikan gaji tahunan dan kadar pelarasan gaji. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan ke atas nilai dibawa ganjaran gantikan cuti rehat.

Kumpulan dan RISDA melaksanakan penilaian aktuari setiap tiga (3) tahun. Penilaian aktuari telah dilaksanakan mulai tahun kewangan 2019 dan laporan aktuari dikeluarkan pada tahun 2020. Kadar faedah digunakan berdasarkan kadar faedah bon korporat berkualiti tinggi. Kadar faedah ini digunakan bagi menentukan anggaran semasa bagi jangkaan aliran tunai keluar masa hadapan yang diperlukan bagi menyelesaikan Obligasi Ganjaran Persaraan Kakitangan.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.18 Manfaat Kakitangan (sambungan)

c. Manfaat Jangka Panjang (sambungan)

Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, Kumpulan dan RISDA mempertimbangkan kadar faedah bagi bon korporat berkualiti tinggi dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan mempunyai tempoh matang bersamaan tempoh liabiliti berkaitan. Kadar kos perubatan dikira berdasarkan purata kos perubatan tahun terdahulu manakala kadar kenaikan gaji tahunan dikira berdasarkan purata kenaikan gaji tahun terdahulu yang dibelanjakan oleh Kumpulan dan RISDA bagi kedua-dua manfaat tersebut.

3.19 Rosot Nilai

3.19.1 Aset kewangan

Kumpulan dan RISDA mengiktiraf elaun kerugian untuk kerugian kredit dijangka ke atas aset kewangan ditaksir pada kos terlunas, pelaburan hutang ditaksir pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain, aset kontrak dan pajakan belum terima.

Kumpulan dan RISDA menaksir kerugian elaun ke atas sekuriti hutang pada amaun bersamaan dengan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat, kecuali untuk sekuriti hutang yang dikenal pasti mempunyai risiko kredit rendah pada tarikh pelaporan. Sekuriti hutang yang risiko kredit tidak berubah secara ketara sejak pengiktirafan awal ditaksir secara kerugian kredit dijangka untuk 12 bulan. Kerugian elaun untuk penghutang dagangan sentiasa ditaksir pada amaun bersamaan dengan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat.

Untuk menentukan samada risiko kredit aset kewangan sudah bertambah secara ketara sejak pengiktirafan awal dan semasa membuat anggaran kerugian kredit, Kumpulan dan RISDA mempertimbangkan maklumat bersokong dan munasabah yang berkaitan dan tersedia tanpa menanggung kos dan usaha melampau. Ini termasuk maklumat kuantitatif dan kualitatif berserta analisa, berdasarkan kepada pengalaman sejarah Kumpulan dan RISDA dan taksiran kredit bermaklumat termasuk maklumat memandang ke hadapan, di mana tersedia.

Kumpulan dan RISDA menganggap risiko kredit aset kewangan meningkat secara ketara bila melepasi tempoh mula tertunggak. Kumpulan menyifatkan aset kewangan sebagai dimungkiri apabila peminjam tidak mungkin dapat memenuhi obligasi kredit mereka secara penuh, tanpa ruang untuk Kumpulan dan RISDA kepada tindakan seperti pencairan sekuriti.

Kerugian kredit dijangka sepanjang hayat adalah kerugian kredit dijangka hasil dari segala peristiwa kemungkiran sepanjang hayat sesuatu aset kewangan, manakala 12 bulan kerugian kredit dijangka ialah bahagian kerugian kredit hasil dari peristiwa kemungkiran yang mungkin berlaku dalam masa 12 bulan dari tarikh pelaporan.

Tempoh maksimum diambilkira untuk penganggaran kerugian kredit ialah tempoh kontraktual maksimum risiko kredit yang terdedah kepada Kumpulan. Kerugian rosot nilai berkaitan dengan aset kewangan ditaksir pada kos terlunas diiktiraf ke untung atau rugi dan amaun bawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun.

3.19.2 Aset lain

Amaun bawaan aset lain, selain dari inventori dan aset cukai tertunda, disemak semula pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan samada terdapat petanda rosot nilai. Amaun bawaan disemak lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan kepada keadaan menggambarkan amaun bawaan mungkin terosot nilai, sebagaimana dinyatakan di dalam polisi perakaunan aset berkenaan.

Sekiranya wujud petanda, amaun boleh pulih aset berkenaan akan dianggar. Kerugian rosot nilai diiktiraf bila amaun bawaan aset atau unit janaan tunai untuk aset berkenaan melebihi amaun boleh pulih. Kerugian rosot nilai diiktiraf ke untung atau rugi.

Unit janaan tunai ialah aset terkecil yang dikenal pasti untuk menjana aliran tunai hasil kegunaan berterusan yang secara umum bebas dari aset atau kumpulan lain.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.19 Rosot Nilai (sambungan)

3.19.2 Aset lain (sambungan)

Kerugian rosot nilai yang diiktiraf berkaitan dengan unit janaan tunai diperuntukkan dulu untuk mengurangkan muhibah yang diperuntukkan kepada unit dan kemudian pengurangan dibuat kepada aset lain di dalam unit secara kaedah pro-rata.

Amaun boleh pulih ialah amaun tertinggi diantara nilai saksama aset ditolak kos melupus dan nilai hasil guna. Untuk menaksir nilai hasil guna, anggaran aliran tunai hadapan didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan nilai masa wang pada taksiran pasaran semasa dan risiko spesifik kepada aset berkenaan. Untuk aset yang tidak menjana aliran tunai secara berasingan, nilai boleh pulih ditentukan untuk unit janaan tunai yang melingkungi aset berkenaan.

Kerugian rosot nilai untuk muhibah tidak dibalikkan semula di tempoh berikutnya. Untuk aset lain, kerugian rosot nilai akan dibalikkan sekiranya terdapat perubahan kepada anggaran yang dulunya diguna untuk penentuan amaun boleh pulih. Kerugian rosot nilai dibalikkan hanya ke tahap amaun bawa aset tidak melebihi amaun bawa yang telah ditentukan, selepas susut nilai dan pelunasan, sekiranya tiada kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya.

Pembalikan rosot nilai dikredit ke untung atau rugi dalam tahun kewangan pembalikan diiktiraf.

3.20 Taksiran nilai saksama

Kecuali transaksi pajakan, nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima sebagai jualan aset atau dibayar untuk pindahan liabiliti secara transaksi teratur diantara peserta urusan pada tarikh taksiran dilakukan. Taksiran ini mengandaikan transaksi untuk menjual aset atau memindah liabiliti berlaku samada di pasaran utama atau di pasaran yang paling berpulangan tinggi.

Nilai saksama instrumen kewangan yang diniaga secara aktif di pasaran kewangan teratur ditentukan secara merujuk kepada harga bidaan tersiar dikala urusan ditutup pada tarikh pelaporan. Untuk instrumen kewangan tanpa pasaran aktif, nilai saksama dibuat menggunakan kaedah penilaian. Kaedah berkenaan termasuk menggunakan transaksi pasaran secara tulus, rujukan kepada nilai saksama instrumen lain yang seakan, analisa aliran tunai didiskaunkan atau model penilaian lain.

Untuk aset bukan kewangan, taksiran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi menggunakan aset berkenaan secara terbaik atau secara menjual kepada peserta urusan lain yang dijangka akan memanfaatkan aset berkenaan sebaik mungkin.

Untuk menaksir nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, Kumpulan dan RISDA menggunakan data pasaran yang boleh diperhati secara sejauh mungkin. Nilai saksama dikelaskan kepada peringkat berbeza di dalam hierarki nilai saksama berdasarkan kepada input yang diguna untuk kaedah penilaian seperti berikut:-

- **Peringkat 1** – Harga tersiar (tanpa dilaraskan) di pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang dikenal pasti.
- **Peringkat 2** – Input selain dari harga tersiar dalam lingkungan Peringkat 1 yang boleh diperhati untuk aset atau liabiliti, samada secara langsung (iaitu harga) atau tidak langsung (iaitu diperoleh dari harga).
- **Peringkat 3** – Input untuk aset atau liabiliti yang tidak berdasar kepada data pasaran boleh diperhati (input tidak boleh diperhati).

Kumpulan dan RISDA mengiktiraf pindahan diantara hierarki nilai saksama di kala berlaku peristiwa atau perubahan keadaan yang menyebabkan pindahan berkenaan.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

4. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN DAN OBJEKTIF

a) Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

Kegiatan Kumpulan dan RISDA terdedah kepada pelbagai risiko kewangan. Objektif pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan RISDA secara keseluruhan adalah untuk memastikan sumber kewangan mencukupi bagi aktiviti operasi di samping menguruskan risiko kewangan termasuk risiko kredit, kecairan dan pasaran. Pengurusan risiko ini dilaksanakan melalui pengurusan tunai secara berhemah dan penggunaan sistem kawalan dalaman yang sesuai. Kumpulan dan RISDA beroperasi dengan berdasarkan garis panduan yang jelas dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah dan dasar Kumpulan dan RISDA juga tidak membenarkan penglibatan dalam sebarang urusan niaga yang berasaskan spekulasi. Ahli Lembaga Pengarah akan sentiasa membincangkan status kewangan Kumpulan dan RISDA dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.

b) Risiko kredit

Risiko kredit atau risiko kegagalan pembayaran dikawal dengan menggunakan kelulusan kredit, had kredit dan tatacara pengawasan. Risiko kredit diminimumkan dan diawasi dengan menghadkan secara tegas urusan niaga dengan entiti yang mempunyai kepercayaan kredit yang tinggi. Belum terima diawasi secara berterusan melalui tatacara pelaporan pengurusan Kumpulan dan RISDA.

c) Risiko kecairan dan aliran tunai

Kumpulan dan RISDA secara aktif mengurus profil kematangan hutang, aliran tunai kendalian dan keupayaan pembiayaan untuk memastikan semua pembayaran dan pembiayaan diperlukan mencukupi. Antara langkah pengurusan risiko kecairan secara keseluruhan ialah Kumpulan dan RISDA akan memastikan tahap wang tunai dan kesetaraan wang tunai cukup untuk memenuhi keperluan modal kerja.

d) Risiko kadar faedah

Kumpulan dan RISDA menguruskan kadar faedah pinjamannya dengan mengekalkan kaedah berhati-hati terhadap kadar pinjaman terapung dan tetap. Kumpulan dan RISDA sentiasa memeriksa portfolio hutangnya, untuk menyediakan modal dengan kadar pembiayaan yang lebih murah dan berupaya melindungi Kumpulan daripada kadar faedah yang berubah.

Maklumat tentang tarikh matang dan kadar faedah dan segala liabiliti telah ditunjukkan dalam Nota 43.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2021 Kumpulan	Tanah milik bebas RM	Tanah pajakan RM	Bangunan RM	Perabot kelengkapan pejabat, komputer dan kenderaan RM	Loji dan mesin RM	Infrastruktur ladang dan tumbuhan penghasil RM	Kerja dalam pelaksanaan RM	Jumlah 2021 RM
Kos								
Baki pada awal tahun	61,755,948	67,964,728	551,076,214	196,328,608	185,066,097	673,082,006	32,177,355	1,767,450,956
Penambahan	-	327,241	8,391,467	17,702,957	1,375,471	37,753,830	6,054,630	71,605,596
Pelupusan	-	(65,720)	(199,647)	(6,828,416)	(715,846)	-	(2,508,933)	(10,318,562)
Hapuskira	-	-	(525,274)	(586,494)	-	(77,489,428)	(23,064)	(78,624,260)
Pengkelasan semula	(1,869,832)	1,869,832	-	-	-	-	-	-
Baki pada akhir tahun	59,886,116	70,096,081	558,742,760	206,616,655	185,725,722	633,346,408	35,699,988	1,750,113,730
Susutnilai terkumpul								
Baki pada awal tahun	-	31,498,727	186,755,542	159,613,351	129,234,198	357,754,609	-	864,856,427
Susutnilai tahun semasa	-	1,488,934	13,980,867	15,790,224	4,856,720	32,237,699	-	68,354,444
Pelupusan	-	-	(85,813)	(5,147,749)	(683,185)	-	-	(5,916,747)
Hapuskira	-	-	(191,145)	(521,246)	-	(71,980,902)	-	(72,693,293)
Baki pada akhir tahun	-	32,987,661	200,459,451	169,734,580	133,407,733	318,011,406	-	854,600,831
Nilai bawaan bersih	59,886,116	37,108,420	358,283,309	36,882,075	52,317,989	315,335,002	35,699,988	895,512,899



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

2020	Tanah milik bebas	Tanah pajakan	Bangunan	Perabot kelengkapan pejabat, komputer dan kenderaan	Loji dan mesin	Infrastruktur ladang dan tumbuhan penghasilan	Kerja dalam pelaksanaan	Jumlah 2020
Kumpulan	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos								
Baki pada awal tahun	44,641,239	67,855,348	513,766,298	187,525,631	185,309,664	634,514,233	29,482,578	1,663,094,991
Penambahan	22,604,825	109,380	37,279,430	15,129,754	2,022,468	38,567,773	2,986,760	118,700,390
Pelupusan	(5,040,116)	-	-	(4,975,417)	-	-	-	(10,015,533)
Hapuskira	-	-	(707,014)	(1,664,993)	(1,952,402)	-	(291,983)	(4,616,392)
Pindahan kepada hartanah pelaburan (Nota 7)	-	-	287,500	-	-	-	-	287,500
Pengkelasan semula	(450,000)	-	450,000	313,633	(313,633)	-	-	-
Baki pada akhir tahun	61,755,948	67,964,728	551,076,214	196,328,608	185,066,097	673,082,006	32,177,355	1,767,450,956
Susutnilai terkumpul								
Baki pada awal tahun	-	30,123,744	174,874,139	156,130,140	121,304,244	325,567,452	-	807,999,719
Susutnilai tahun semasa	-	2,184,013	12,394,856	10,059,555	9,904,869	32,187,157	-	66,730,450
Pelupusan	-	(809,030)	-	(4,893,940)	-	-	-	(5,702,970)
Hapuskira	-	-	(599,703)	(1,682,404)	(1,974,915)	-	-	(4,257,022)
Pindahan kepada hartanah pelaburan (Nota 7)	-	-	86,250	-	-	-	-	86,250
Baki pada akhir tahun	-	31,498,727	186,755,542	159,613,351	129,234,198	357,754,609	-	864,856,427
Nilai bawaan bersih	61,755,948	36,466,001	364,320,672	36,715,257	55,831,899	315,327,397	32,177,355	902,594,529



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

2021 RISDA	Tanah milik bebas RM	Tanah pajakan RM	Bangunan RM	Perabot kelengkapan pejabat, komputer dan kenderaan RM	Loji dan mesin RM	Infrastruktur ladang dan tumbuhan penghasilan RM	Kerja dalam pelaksanaan RM	Jumlah 2021 RM
Kos								
Baki pada awal tahun	60,271,938	67,680,313	490,924,182	124,233,152	169,061,559	667,865,904	30,230,129	1,610,267,177
Penambahan	-	327,241	8,265,249	13,210,788	1,372,021	37,753,830	6,054,630	66,983,759
Pelupusan	-	(65,720)	(163,692)	(3,065,615)	(350,064)	-	(2,508,933)	(6,154,024)
Hapuskira	-	-	(511,174)	(235,400)	-	(77,489,428)	(23,064)	(78,259,066)
Pengkelasan semula	(1,869,832)	1,869,832	-	-	-	-	-	-
Baki pada akhir tahun	58,402,106	69,811,666	498,514,565	134,142,925	170,083,516	628,130,306	33,752,762	1,592,837,846
Susutnilai terkumpul								
Baki pada awal tahun	-	31,423,603	171,178,093	99,486,229	115,134,187	355,928,973	-	773,151,085
Susutnilai tahun semasa	-	1,486,049	12,470,769	11,678,195	4,071,752	31,976,894	-	61,683,659
Pelupusan	-	-	(49,866)	(1,497,732)	(350,064)	-	-	(1,897,662)
Hapuskira	-	-	(177,045)	(235,400)	-	(71,980,902)	-	(72,393,347)
Baki pada akhir tahun	-	32,909,652	183,421,951	109,431,292	118,855,875	315,924,965	-	760,543,735
Nilai bawaan bersih	58,402,106	36,902,014	315,092,614	24,711,633	51,227,641	312,205,341	33,752,762	832,294,111



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

2020 RISDA	Tanah milik bebas RM	Tanah pajakan RM	Bangunan RM	Perabot kelengkapan pejabat, komputer dan kendaraan RM	Loji dan mesin RM	Infrastruktur ladang dan tumbuhan penghasil RM	Kerja dalam pelaksanaan RM	Jumlah 2020 RM
Kos								
Baki pada awal tahun	43,157,229	67,570,933	454,016,056	118,108,592	169,478,068	629,298,131	27,558,423	1,509,187,432
Penambahan	22,604,825	109,380	36,922,240	11,036,768	1,535,893	38,567,773	2,924,189	113,701,068
Pelupusan	(5,040,116)	-	-	(3,544,838)	-	-	-	(8,584,954)
Hapuskira	-	-	(464,114)	(1,367,370)	(1,952,402)	-	(252,483)	(4,036,369)
Pengkelasan semula	(450,000)	-	450,000	-	-	-	-	-
Baki pada akhir tahun	60,271,938	67,680,313	490,924,182	124,233,152	169,061,559	667,865,904	30,230,129	1,610,267,177
Susutnilai terkumpul								
Baki pada awal tahun	-	30,051,504	160,380,760	99,143,002	107,836,821	324,002,621	-	721,414,708
Susutnilai tahun semasa	-	2,181,129	11,170,061	5,309,196	9,272,281	31,926,352	-	59,859,019
Pelupusan	-	(809,030)	-	(3,390,080)	-	-	-	(4,199,110)
Hapuskira	-	-	(372,728)	(1,575,889)	(1,974,915)	-	-	(3,923,532)
Baki pada akhir tahun	-	31,423,603	171,178,093	99,486,229	115,134,187	355,928,973	-	773,151,085
Nilai bawaan bersih	60,271,938	36,256,710	319,746,089	24,746,923	53,927,372	311,936,931	30,230,129	837,116,092



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan Kumpulan dan RISDA pada 31 Disember 2021, ialah harta yang telah disusutnilai sepenuhnya yang masih diguna, dengan kos berjumlah RM178,153,756 (2020: RM143,083,811) dan RM135,663,187 (2020: RM123,158,416) masing-masing. Termasuk juga dalam hartanah, loji dan peralatan Kumpulan adalah bangunan yang dicagarkan bagi memperolehi kemudahan daripada pihak bank oleh sebuah syarikat subsidiari seperti dinyatakan di Nota 24.

Pada tahun kewangan sebelumnya, RISDA telah memperoleh hartanah, loji dan peralatan bernilai RM54,188,848 melalui proses *land swap*. RISDA telah menandatangani perjanjian bersama pemaju, N Jaya Sdn Bhd (sebelumnya dikenali sebagai Kembangan Cekap Sdn Bhd) pada 21 April 2011 untuk membenarkan pemaju membangunkan tanah milik RISDA. Melalui perjanjian ini, RISDA akan menerima sebuah bangunan pejabat dan beberapa unit komersial pilihan RISDA melalui proses *land swap* tersebut. Proses pembinaan telah selesai pada tahun 2020 di mana hak milik blok pejabat dan apartmen telah dipindah kepada RISDA dengan kos seperti berikut:

	Kumpulan dan RISDA	
	2021 RM	2020 RM
Tanah milik bebas	-	16,023,549
Bangunan pejabat	-	30,150,099
Bangunan komersial	-	3,380,000
Perabot, kelengkapan pejabat, komputer dan kenderaan	-	1,365,200
Loji dan mesin	-	3,270,000
	-	54,188,848

Nilai bawaan bersih hartanah yang dipindahkan kepada pemaju untuk *land swap* tersebut berjumlah RM3,149,061. Keuntungan yang diperoleh atas pelupusan tanah tersebut adalah RM51,039,787.

6. ASET HAK GUNAAN

	Tanah pajakan RM	Bangunan RM	Kelengkapan, mesin, komputer dan kenderaan RM	Kumpulan
				Jumlah 2021 RM
Kos				
Baki pada awal tahun	9,118,994	8,724,586	5,279,304	23,122,884
Tambahan tahun semasa	257,888	4,112,813	376,038	4,746,739
Penyahiktirafan	32,066	(234,196)	-	(202,130)
Modifikasi pajakan	(36,702)	(96,058)	48,174	(84,586)
Baki pada akhir tahun	9,372,246	12,507,145	5,703,516	27,582,907
Susutnilai terkumpul				
Baki pada awal tahun	(2,409,933)	(5,734,800)	(1,739,260)	(9,883,993)
Susutnilai tahun semasa (Nota 37)	(1,153,307)	(2,840,319)	(1,100,604)	(5,094,230)
Baki pada akhir tahun	(3,563,240)	(8,575,119)	(2,839,864)	(14,978,223)
Nilai bawaan bersih	5,809,006	3,932,026	2,863,652	12,604,684



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

6. ASET HAK GUNAAN (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		
	Tanah pajakan	Bangunan	Kelengkapan, mesin, komputer dan kenderaan
	RM	RM	RM
Kos			
Baki pada awal tahun	5,927,189	6,521,282	7,563,031
Tambahan tahun semasa	3,681,717	2,224,005	263,695
Penyahiktirafan	(489,912)	(20,701)	-
Modifikasi pajakan	-	-	(2,547,422)
Baki pada akhir tahun	9,118,994	8,724,586	5,279,304
Susutnilai terkumpul			
Baki pada awal tahun	(826,253)	(2,882,131)	(645,527)
Susutnilai tahun semasa (Nota 37)	(1,583,680)	(2,852,669)	(1,093,733)
Baki pada akhir tahun	(2,409,933)	(5,734,800)	(1,739,260)
Nilai bawaan bersih	6,709,061	2,989,786	3,540,044

	RISDA		
	Tanah pajakan	Bangunan	Kelengkapan, mesin, komputer dan kenderaan
	RM	RM	RM
Kos			
Baki pada awal tahun	1,581,185	6,181,276	4,579,456
Tambahan tahun semasa	-	2,266,726	227,865
Baki pada akhir tahun	1,581,185	8,448,002	4,807,321
Susutnilai terkumpul			
Baki pada awal tahun	(651,048)	(3,995,790)	(1,303,405)
Susutnilai tahun semasa (Nota 37)	-	(1,941,065)	(856,312)
Baki pada akhir tahun	(651,048)	(5,936,855)	(2,159,717)
Nilai bawaan bersih	930,137	2,511,147	2,647,604



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

6. ASET HAK GUNAAN (SAMBUNGAN)

	RISDA			
	Tanah pajakan RM	Bangunan RM	Kelengkapan, mesin, komputer dan kenderaan RM	Jumlah 2020 RM
Kos				
Baki pada awal tahun	-	4,430,563	6,868,596	11,299,159
Tambahan tahun semasa	1,581,185	1,750,713	258,282	3,590,180
Modifikasi pajakan	-	-	(2,547,422)	(2,547,422)
Baki pada akhir tahun	1,581,185	6,181,276	4,579,456	12,341,917
Susutnilai terkumpul				
Baki pada awal tahun	-	(1,992,674)	(447,943)	(2,440,617)
Susutnilai tahun semasa (Nota 37)	(651,048)	(2,003,116)	(855,462)	(3,509,626)
Baki pada akhir tahun	(651,048)	(3,995,790)	(1,303,405)	(5,950,243)
Nilai bawaan bersih	930,137	2,185,486	3,276,051	6,391,674

Tempoh pajakan bagi Kumpulan dan RISDA adalah dari 1 tahun hingga 16 tahun (2020: 2 tahun hingga 6 tahun).

7. HARTANAH PELABURAN

	Kumpulan	
	2021 RM	2020 RM
Kos		
Baki pada awal tahun	4,224,900	4,512,400
Pindahan kepada hartanah, loji dan peralatan (Nota 5)	-	(287,500)
Baki pada akhir tahun	4,224,900	4,224,900
Susutnilai terkumpul		
Baki pada awal tahun	447,056	447,543
Susutnilai tahun semasa (Nota 37)	85,763	85,763
Pindahan kepada hartanah, loji dan peralatan (Nota 5)	-	(86,250)
Baki pada akhir tahun	532,819	447,056
Nilai bawaan bersih	3,692,081	3,777,844



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

7. HARTANAH PELABURAN (SAMBUNGAN)

Hasil dan perbelanjaan berkaitan hartanah pelaburan yang telah diiktiraf di untung atau rugi adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2021	2020
	RM	RM
Hasil sewaan	48,000	48,000
Belanja operasi langsung:		
- Hartanah pelaburan yang menjana hasil	1,901	1,901

Nilai saksama hartanah pelaburan ditentukan berdasarkan pendekatan perbandingan pasaran yang mencerminkan harga transaksi terkini bagi hartanah yang serupa. Berdasarkan anggaran, nilai pasaran hartanah pelaburan ini dianggarkan bernilai RM6,263,000 (2020: RM5,201,345). Nilai saksama bagi hartanah pelaburan pada 31 Disember 2021 adalah berdasarkan daripada penilaian nilai saksama Tahap 3.

Nilai aset bukan semasa dipegang untuk jualan diklasifikasi mengikut MFRS 5 *Aset Bukan Semasa Dipegang Untuk Jualan dan Operasi Dihentikan* bagi sebuah syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

Aset Bukan Semasa Dipegang Untuk Dijual

	Kumpulan	
	2021	2020
	RM	RM
Pada awal tahun/akhir tahun	220,941	220,941

Jualan aset bukan semasa dipegang untuk dijual ini dijangka dapat disempurnakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini.

8. TANAH DIPEGANG UNTUK PEMBANGUNAN HARTANAH

	Kumpulan	
	2021	2020
	RM	RM
Tanah pajakan pada kos		
Pada awal tahun/akhir tahun	5,607,980	5,607,980
Kos pembangunan		
Pada awal tahun	1,468,040	-
Tambahan tahun semasa	-	1,468,040
Pada akhir tahun	1,468,040	1,468,040
	7,076,020	7,076,020



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

9. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

a. Pergerakan pelaburan dalam syarikat subsidiari

	RISDA	
	2021 RM	2020 RM
i. Pelaburan dalam saham biasa :		
Pada kos	97,153,410	127,277,423
Tolak : Rosot nilai terkumpul atas pelupusan pelaburan	-	(36,860,582)
Kerugian atas pelupusan pelaburan (Nota 37)	-	(49,431)
	97,153,410	90,367,410
ii. Pelaburan dalam saham keutamaan boleh ubah ("CPS") :		
Pada kos	41,000,000	-
Jumlah pelaburan	138,153,410	90,367,410
Pergerakan rosot nilai		
Baki awal	36,860,582	35,517,014
Caj tahun semasa (Nota 37)	-	1,343,568
Pindahan kepada syarikat subsidiari	(36,860,582)	-
Baki pada akhir tahun	-	36,860,582

i. Pada tahun kewangan semasa, RISDA telah mengambil alih pegangan 30% saham NARSCO Berhad dalam RISDA Fleet Sdn. Bhd. pada nilai RM6,786,000 efektif pada 7 Oktober 2021. Pengambilalihan pegangan saham ini berikutan tawaran penjualan oleh NARSCO Berhad kepada RISDA selaku pemegang saham majoriti dalam RISDA Fleet Sdn. Bhd.

ii. Pada tahun kewangan semasa, RISDA telah membuat pemindahan pegangan saham biasa sepenuhnya dalam syarikat subsidiari kepada RISDA Holdings Sdn. Bhd. kecuali bagi pegangan dalam Protac Insurance Brokers Sdn. Bhd. dan RISDA Fleet Sdn. Bhd. pada nilai kos. RISDA telah membuat suntikan modal ke dalam RISDA Holdings Sdn. Bhd. dalam bentuk saham keutamaan boleh ubah (*Convertible Preference Shares*) atau "CPS" sebanyak RM41,000,000 bagi mengimbangi kesan kerugian pengambilalihan pemilikan saham dalam syarikat subsidiari tersebut.

Pada 22 November 2021, RISDA telah melanggan 41,000,000 saham keutamaan boleh tukar ("CPS") RISDA Holdings Sdn Bhd pada nilai tara RM1.00 setiap saham.

iii. Syarat-syarat utama CPS adalah seperti berikut :

- Tiada tempoh matang untuk penebusan CPS. Penebusan CPS adalah berdasarkan budi bicara penerbit-penerbit CPS; dan
- Tiada dividen tetap yang dikenakan. Sebarang dividen yang dicadangkan untuk CPS mestilah dipersetujui oleh penerbit-penerbit CPS dan pemegang saham selepas mengambil kira keuntungan penerbit-penerbit CPS.

iv. Pelupusan pelaburan dalam syarikat subsidiari adalah untuk RISDA Wood Sdn. Bhd. yang telah ditutup secara penggulangan sukarela oleh pemegang saham (*Members' voluntary winding up*) menurut Seksyen 439(1)(b) Akta Syarikat 2016.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

9. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

b. Senarai syarikat subsidiari RISDA (diperbadankan di Malaysia)

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Peratusan kepentingan dan hak mengundi	
		2021 (%)	2020 (%)
RISDA Holdings Sdn. Bhd.	Ejen mengurus syarikat subsidiari RISDA	100	100
Protac Insurance Brokers Sdn. Bhd.	Broker insurans	80	80
RISDA Fleet Sdn. Bhd.	Perkhidmatan pengangkutan	100	70

c. Senarai syarikat subsidiari RISDA Holdings Sdn. Bhd. (diperbadankan di Malaysia)

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Peratusan kepentingan dan hak mengundi	
		2021 (%)	2020 (%)*
Permodalan RISDA Berhad (<i>Nota d</i>)	Perkhidmatan pemfaktoran, pengurusan dana dan pemegang pelaburan	100	100
RISDA Security and Services Sdn. Bhd.	Perniagaan am, perkhidmatan keselamatan, perkhidmatan pengurusan bangunan dan pengurusan hartanah secara usahasama	100	100
RISDA Estates Sdn. Bhd. (<i>Nota e</i>)	Pengurusan ladang-ladang dan kilang-kilang milik RISDA	100	100
RISDA Ventures Sdn. Bhd.	Penjualan baja	100	100
RISDA Plantation Sdn. Bhd.	Perkhidmatan pengurusan kebun kebun kecil	100	100
RISDA Bina Sdn. Bhd.	Pembangunan hartanah	100	100
Kolej Risda Sdn. Bhd.	Memberi perkhidmatan kursus, latihan dan peralatan kemudahan belajar	100	100
RISDA Semaian dan Landskap Sdn. Bhd.	Menjual benih tanaman, buah tandan baru kelapa sawit dan getah sekerap, seni bina landskap dan perkhidmatan pengurusan	100	100
RISDA Catering and Events Sdn. Bhd.	Dihentikan operasi dan operasi diuruskan sepenuhnya oleh RISDA Security and Services Sdn. Bhd.	100	100



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

9. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

d. Syarikat subsidiari Permodalan RISDA Berhad

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Peratusan kepentingan dan hak mengundi	
		2021 (%)	2020 (%)
PRB Grid Technology Solutions Sdn. Bhd.	Pusat data dan menjual server	100	100

e. Syarikat-syarikat subsidiari RISDA Estates Sdn. Bhd.

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Peratusan kepentingan dan hak mengundi	
		2021 (%)	2020 (%)
RISDA Livestock Sdn. Bhd.	Menternak lembu	100	100
RISDA Agro Sdn. Bhd.	Memasarkan buah tandan segar kelapa sawit	100	100

- * Pada tahun kewangan 2020, syarikat-syarikat subsidiari ini masih merupakan subsidiari kepada RISDA. Proses pemindahan pegangan saham kepada RISDA Holdings Sdn. Bhd. hanya berlaku bermula pada 28 Disember 2021.

Semua syarikat-syarikat subsidiari tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

9. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

f. Kepentingan tak kawal (“KTK”) dalam subsidiari

RISDA Fleet Sdn. Bhd.

Pada 7 Oktober 2021, RISDA telah mengambil alih pegangan saham sebanyak 30% daripada NARSCO Berhad berjumlah 3,000,000 unit menjadikan pegangan RISDA dalam syarikat subsidiari ini adalah 100%. Peratusan kepentingan pemilikan dan pengundian KTK adalah sebanyak 30% pada tahun 2020.

	2021 RM	2020 RM
Nilai bawa kepentingan tak kawal	-	6,711,070
Lebihan tahun semasa diagihkan kepada kepentingan tak kawal *	1,047	443,759

Ringkasan kedudukan kewangan

	2021 RM	2020 RM
Pada 31 Disember		
Aset bukan semasa	-	11,509,135
Aset semasa	-	24,922,337
Liabiliti bukan semasa	-	(3,946,028)
Liabiliti semasa	-	(10,115,210)
	-	22,370,234

Ringkasan prestasi kewangan

	2021 RM	2020 RM
Bagi tahun berakhir 31 Disember		
Pendapatan	16,349,846	31,381,117
Keuntungan tahun semasa, mewakili jumlah pendapatan komprehensif *	3,489	1,479,197

* Pada tahun kewangan semasa, amaun yang dinyatakan adalah setakat tarikh pengambilalihan saham RISDA Fleet oleh RISDA daripada NARSCO Berhad.

Tiada dividen dibayar kepada Kepentingan tak kawal dalam tahun kewangan semasa.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

10. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		RISDA	
	2021	2020	2021	2020
	RM	RM	RM	RM
Baki pada awal tahun	4,954,514	8,321,767	7,759,792	11,652,999
Pelaburan tambahan	-	5,000,000	-	5,000,000
Bahagian (kerugian)/keuntungan tahun semasa	(1,311,834)	525,954	-	-
Rosotnilai pelaburan (Nota 37)	(2,800,000)	(8,893,207)	(2,800,000)	(8,893,207)
Baki pada akhir tahun	842,680	4,954,514	4,959,792	7,759,792

Ringkasan kedudukan kewangan yang berkaitan dengan perkongsian Kumpulan berkaitan dengan perolehan dan keuntungan dalam syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2021	2020
	RM	RM
Bahagian aset bersih	842,680	4,954,514
Terdiri daripada :		
Aset bukan semasa	15,034,449	16,509,935
Aset semasa	24,344,991	34,378,043
Liabiliti bukan semasa	(8,820,823)	(9,932,553)
Liabiliti semasa	(26,915,937)	(32,107,704)
	3,642,680	8,847,721
Pelaburan tambahan	-	5,000,000
Rosotnilai pelaburan	(2,800,000)	(8,893,207)
Nilai bawaan bersih	842,680	4,954,514

Maklumat berkenaan syarikat-syarikat bersekutu yang diperbadankan di Malaysia adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Kegiatan Utama	Peratusan kepentingan dan hak mengundi	
		2021 (%)	2020 (%)
Sinergi Perdana Sdn. Bhd.#	Pengeluaran baja	33.33	33.33

i. Syarikat- syarikat bersekutu RISDA Security and Services Sdn. Bhd.

Nama syarikat	Kegiatan Utama	Peratusan kepentingan dan hak mengundi	
		2021 (%)	2020 (%)
Protac Insurance Brokers Sdn. Bhd.*#	Broker insuran	20	20

* Merupakan subsidiari RISDA melalui kepentingan ekuiti secara terus ke atas syarikat ini sebanyak 80%. Berdasarkan pegangan penuh RISDA ke atas RISDA Security and Services Sdn. Bhd., secara efektif, RISDA mempunyai kepentingan ekuiti sepenuhnya ke atas syarikat ini.

Syarikat bersekutu ini tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

11. PELABURAN LAIN

	Kumpulan		RISDA	
	2021	2020	2021	2020
	RM	RM	RM	RM
Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit				
Pelaburan dengan Pengurus	-	-	33,301,325	32,717,325
Pelaburan luar berlesen	-	-	33,301,325	32,717,325
	-	-	33,301,325	32,717,325
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain				
Saham tersiar harga	-	323,009	-	-
Saham tidak tersiar harga	1,636,436	1,365,054	-	-
	1,636,436	1,688,063	-	-
Jumlah	1,636,436	1,688,063	33,301,325	32,717,325

12. AMAUN TERHUTANG OLEH/(KEPADA) SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI, PENGARAH DAN PEMEGANG SAHAM KORPORAT

Amaun Terhutang Oleh Syarikat-Syarikat Subsidiari

Amaun terhutang oleh syarikat-syarikat subsidiari berpunca terutamanya daripada pinjaman dan bayaran perbelanjaan bagi pihak lain mengambil kira yuran pengurusan. Jumlah baki adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai jadual bayaran balik yang tetap kecuali amaun terhutang oleh RISDA Bina Sdn Bhd yang dikenakan faedah atas pinjaman sebanyak 4%. Analisa amaun terhutang oleh syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

	RISDA	
	2021	2020
	RM	RM
Kos	132,568,012	136,415,903
Tolak : Rosot nilai terkumpul	(1,299,116)	(9,017,584)
Baki akhir amaun terhutang oleh syarikat subsidiari	131,268,896	127,398,319
Pergerakan peruntukan rosotnilai		
Baki awal	9,017,584	4,047,965
Caj tahun semasa (Nota 37)	-	4,969,619
Pembalikan rosot nilai (Nota 34)	(7,718,468)	-
Baki akhir	1,299,116	9,017,584



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

12. AMAUN TERHUTANG OLEH/(KEPADA) SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI, PENGARAH DAN PEMEGANG SAHAM KORPORAT (SAMBUNGAN)

	RISDA	
	2021	2020
	RM	RM
Tempoh bayaran :		
Bayaran balik dalam tempoh 1 tahun	91,662,399	91,664,100
Bayaran balik dalam tempoh 1 hingga 5 tahun	13,809,707	4,792,123
Bayaran balik melebihi 5 tahun	25,796,790	30,942,096
	131,268,896	127,398,319

Amaun Terhutang Kepada Syarikat-Syarikat Subsidiari

Amaun terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tiada tempoh bayaran balik yang tetap.

Amaun Terhutang Kepada Pengarah/Pemegang Saham Korporat

Amaun terhutang kepada pengarah/pemegang saham korporat mewakili pendahuluan tanpa cagaran yang diterima. Amaun ini tidak dikenakan faedah, tiada tempoh bayaran balik yang tetap dan dikembalikan apabila dituntut.

13. PINJAMAN KAKITANGAN

	Kumpulan		RISDA	
	2021	2020	2021	2020
	RM	RM	RM	RM
		Dinyatakan semula		Dinyatakan semula
Baki pinjaman	229,350,981	219,887,658	205,063,710	194,287,904
Tempoh matang :-				
Dalam 1 tahun	12,724,251	12,607,950	8,458,751	8,304,656
Dalam 2 - 5 tahun	98,673,524	85,146,093	78,651,753	74,497,863
Lebih dari 5 tahun	117,953,206	122,133,615	117,953,206	111,485,385
	229,350,981	219,887,658	205,063,710	194,287,904
Dinyatakan sebagai:-				
Aset bukan semasa	216,626,730	207,279,708	196,604,959	185,983,248
Aset semasa	12,724,251	12,607,950	8,458,751	8,304,656
	229,350,981	219,887,658	205,063,710	194,287,904

Kadar faedah purata efektif bagi Kumpulan dan RISDA adalah 2% sehingga 4% (2020: 2% sehingga 4%) setahun. Pinjaman kepada kakitangan terdiri daripada pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan, pinjaman komputer dan pinjaman peribadi. Kesemua pinjaman adalah tidak bercagar kecuali pinjaman perumahan.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

14. ASET/(LIABILITI) CUKAI TERTUNDA

	Kumpulan	
	2021	2020
	RM	RM
Baki awal	(904,848)	(43,642)
Pindahan ke untung atau rugi (Nota 39)	(911,890)	(861,206)
Baki akhir	(1,816,738)	(904,848)
	Kumpulan	
	2021	2020
	RM	RM
Aset cukai tertunda terdiri daripada berikut :		
Elaun modal tidak digunakan	-	232,903
Kerugian perniagaan belum diserap	15,638	2,788
Perbezaan sementara yang timbul daripada hak penggunaan aset dan liabiliti pajakan	2,749	5,482
Perbezaan sementara yang timbul daripada hartanah, loji dan peralatan	461,276	268,843
Pendapatan tertunda	-	485,573
	479,663	995,589
Liabiliti cukai tertunda terdiri daripada berikut :		
Perbezaan sementara yang timbul daripada hak penggunaan aset dan liabiliti pajakan	(297,126)	-
Perbezaan sementara yang timbul daripada hartanah, loji dan peralatan	(1,999,275)	(1,900,437)
	(2,296,401)	(1,900,437)
	(1,816,738)	(904,848)

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf

Kesan cukai terhadap perkara berikut tidak diiktiraf di dalam penyata kewangan disebabkan tiada kemungkinan keuntungan boleh cukai mencukupi untuk membolehkan aset cukai tertunda direalisasikan.

	Kumpulan	
	2021	2020
	RM	RM
		Dinyatakan semula*
Dinyatakan pada amaun kasar		
Kerugian perniagaan tidak diserap	41,193,000	55,546,000
Elaun modal tidak digunakan	2,772,000	4,446,000
Perbezaan sementara boleh ditolak	222,363,000	193,298,000
	266,328,000	253,290,000

* Baki kerugian perniagaan tidak diserap bagi RISDA telah dinyatakan semula bagi tahun sebelumnya berikutan keputusan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang telah mengeluarkan surat penemuan audit cukai pada 15 Jun 2022 di mana, pendapatan perniagaan termasuk geran dan kutipan ses yang dilaporkan di bawah Subseksyen 4(a) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) adalah dikecualikan cukai seperti dinyatakan di Nota 45.

Oleh itu, baki kerugian perniagaan tidak diserap tidak lagi terpakai bagi tujuan pengiraan cukai tertunda.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

14. ASET/(LIABILITI) CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

Kerugian perniagaan tidak diserap tertakluk kepada persetujuan dengan pihak berkuasa cukai. Kerugian perniagaan tidak diserap mempunyai tempoh tamat sepuluh (10) tahun berkuat kuasa daripada tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran berikutnya. Kerugian perniagaan tidak diserap akan tamat tempoh seperti berikut:

	Kumpulan	
	2021 RM	2020 RM
	Dinyatakan semula	
Tempoh tamat tahun taksiran		
2025	-	24,231,000
2026	-	9,296,000
2027	-	22,019,000
2028	16,841,000	-
2029	20,159,000	-
2030	832,000	-
2031	3,361,000	-
	41,193,000	55,546,000



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

15. ASET BIOLOGI

	Buah tandan segar RM	Ternakan RM	Tanaman anak benih RM	Jumlah RM
Kumpulan				
Pada 1.1.2020	8,332,818	14,722,987	37,129,094	60,184,899
Tambahan	172,895	2,324,986	24,060,229	26,558,110
Perubahan nilai saksama (Nota 37)	1,963,312	1,332,008	27,218	3,322,538
Pelupusan/Jualan	-	(3,775,344)	(31,348,542)	(35,123,886)
Pada 31.12.2020	10,469,025	14,604,637	29,867,999	54,941,661
Pada 1.1.2021	10,469,025	14,604,637	29,867,999	54,941,661
Tambahan	-	3,563,935	20,510,664	24,074,599
Perubahan nilai saksama (Nota 37)	6,232,435	988,299	(834,597)	6,386,137
Pelupusan/Jualan	-	(2,994,063)	(22,102,017)	(25,096,080)
Pada 31.12.2021	16,701,460	16,162,808	27,442,049	60,306,317
RISDA				
Pada 1.1.2020	8,279,271	-	-	8,279,271
Tambahan	172,897	-	-	172,897
Perubahan nilai saksama (Nota 37)	1,943,060	-	-	1,943,060
Pada 31.12.2020	10,395,228	-	-	10,395,228
Pada 1.1.2021	10,395,228	-	-	10,395,228
Perubahan nilai saksama (Nota 37)	6,240,134	-	-	6,240,134
Pada 31.12.2021	16,635,362	-	-	16,635,362

Buah tandan segar

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, Kumpulan dan RISDA telah menuai buah tandan segar ("BTS") sebanyak lebih kurang 581,325 tan metrik (2020: 673,448 tan metrik).

Pada 31 Disember 2021 kuantiti bagi buah tandan segar yang tidak dituai oleh Kumpulan dan RISDA termasuk dalam penilaian nilai saksama adalah sebanyak 64,079 tan metrik (2020: 74,079 tan metrik).

Dalam menentukan nilai saksama, pihak pengurusan telah mempertimbangkan kandungan minyak BTS belum matang. Disebabkan kandungan minyak bertambah secara eksponen dalam masa 15 hari sebelum penuaian, BTS lebih dari 2 minggu sebelum penuaian dikeluarkan daripada penilaian disebabkan nilai saksama yang dianggap boleh diabaikan. Nilai saksama yang ditentukan mengambil kira keputusan ujian makmal ke atas analisa pengekstrakan minyak ke atas BTS.

Ternakan

Ternakan merujuk kepada lembu. Pada 31 Disember 2021, lembu ternakan yang belum dijual bagi Kumpulan termasuk dalam penilaian nilai saksama adalah sebanyak 4,991 ekor (2020: 4,805 ekor).

Nilai saksama ternakan ditentukan berdasarkan harga yang akan diterima sekiranya ternakan dijual pada hujung tahun kewangan, selepas mengambil kira kos jualan secara langsung yang terlibat. Andaian signifikan dalam penentuan nilai saksama ialah anggapan bahawa harga jualan terdekat dengan hujung tahun kewangan ialah gambaran terbaik harga pasaran. Anggapan tersebut dibuat kerana ketiadaan harga kawalan bagi lembu hidup di pasaran, dan harga dipersetujui bersama.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

15. ASET BIOLOGI (SAMBUNGAN)

Tanaman anak benih

Tanaman anak benih merujuk kepada benih kelapa sawit dan getah yang diklasifikasikan kepada beberapa kategori mengikut peringkat pertumbuhan.

Pada 31 Disember 2021, kuantiti anak benih yang belum dijual bagi Kumpulan termasuk dalam penilaian nilai saksama adalah sebanyak 13,200,582 biji (2020: 12,558,785 biji).

Nilai saksama tanaman anak benih telah ditentukan berdasarkan harga yang ditentukan pasaran bagi penjualan tanaman anak benih. Di bawah kaedah ini, anggaran penerimaan daripada penjualan tanaman anak benih telah dianggarkan berdasarkan umur, peringkat pertumbuhan, kebarangkalian hidup dan jenis tanaman anak benih apabila mencapai umur matang. Berdasarkan anggaran umur, peringkat pertumbuhan, kebarangkalian hidup dan jenis tanaman anak benih ini, anggaran harga pasaran dibuat untuk mendapatkan jumlah pendapatan yang akan dijanakan.

Hierarki nilai saksama Tahap 3

Dalam hierarki nilai saksama, aset biologi telah dinilai pada Tahap 3. Penilaian nilai saksama telah dilakukan secara konsisten dengan menggunakan teknik-teknik penilaian yang sama.

Tiada pindahan yang berlaku di antara ketiga-tiga tahap hierarki tersebut dalam tahun semasa.

16. INVENTORI

	Kumpulan		RISDA	
	2021	2020	2021	2020
	RM	RM	RM	RM
Pada kos				
Baja dan kimia	41,505,243	38,805,022	37,953,715	33,678,345
Minyak sawit mentah	13,761,135	5,026,058	13,761,135	5,026,058
Lain-lain	23,483,035	42,771,756	2,034,754	1,174,603
	78,749,413	86,602,836	53,749,604	39,879,006

Kos inventori yang telah dicaj sebagai perbelanjaan operasi ke untung atau rugi Kumpulan dan RISDA sepanjang tahun kewangan semasa adalah RM233,978,665 (2020: RM161,952,481) dan RM222,480,774 (2020: RM144,850,607) masing-masing.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

17. BELUM TERIMA DAGANGAN

	Kumpulan		RISDA	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Belum terima dagangan	281,640,279	168,281,431	39,843,778	50,011,436
Peruntukan rosotnilai	(111,150,264)	(48,313,152)	(22,397,097)	(25,736,592)
	170,490,015	119,968,279	17,446,681	24,274,844
Pergerakan peruntukan rosotnilai				
Baki awal	48,313,152	48,509,445	25,736,592	20,841,921
Caj tahun semasa (Nota 37)	68,631,612	7,206,206	-	5,305,099
Pembalikan tahun semasa (Nota 34)	(5,794,500)	(7,402,499)	(3,339,495)	(410,428)
Baki akhir	111,150,264	48,313,152	22,397,097	25,736,592

Tempoh kredit yang dikenakan atas perkhidmatan yang dilaksanakan adalah 30 hingga 365 hari (2020: 30 hingga 365 hari). Termasuk dalam belum terima dagangan Kumpulan adalah penghutang tunggal berjumlah RM54,861,106 (2020: RM8,694,480) yang mewakili kira-kira 31% (2020: 5%) daripada jumlah keseluruhan belum terima dagangan Kumpulan.

18. BELUM TERIMA LAIN DAN DEPOSIT

	Kumpulan		RISDA	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
	Dinyatakan semula			
Belum terima lain	58,472,625	106,860,809	32,333,903	80,789,567
Peruntukan rosotnilai	(17,057,351)	(13,582,602)	(2,049,017)	(2,049,017)
	41,415,274	93,278,207	30,284,886	78,740,550
Akaun projek pembangunan	44,824,572	41,485,585	-	-
Pinjaman kenderaan dan komputer	99,906	-	-	-
Deposit	7,637,420	4,834,222	1,469,325	1,565,580
Bayaran terdahulu	423,362	4,592,189	5,510	-
	94,400,534	144,190,203	31,759,721	80,306,130
Pergerakan peruntukan hutang ragu				
Baki awal	13,582,602	16,951,226	2,049,017	778,620
Caj tahun semasa (Nota 37)	4,579,806	964,311	-	1,270,397
Pembalikan tahun semasa (Nota 34)	(1,105,057)	(4,332,935)	-	-
Baki akhir	17,057,351	13,582,602	2,049,017	2,049,017

Belum terima lain oleh Kumpulan dan RISDA terdiri daripada ses dari Kastam dan Lembaga Getah Malaysia yang belum diterima dan pendahuluan kakitangan. Peruntukan rosotnilai telah dikenalpasti dengan merujuk kepada sejarah pembayaran tahun-tahun sebelumnya.

Peruntukan rosot nilai dibuat ke atas amaun akan diterima yang dianggarkan tidak dapat dikutip oleh Kumpulan dan RISDA berjumlah RM17,057,351 (2020: RM13,582,602) dan RM2,049,017 (2020: RM2,049,017) masing-masing telah dicaj ke untung atau rugi.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

18. BELUM TERIMA LAIN DAN DEPOSIT (SAMBUNGAN)

Akaun projek pembangunan

	Kumpulan	
	2021	2020
	RM	RM
Akaun projek pembangunan		
Pada nilai saksama :		
Akaun Projek TSK	34,415,178	34,397,663
Pada kos terlunas :		
Akaun Projek Ladang Agensi	116,070,908	111,573,147
Elaun Rosotnilai	(105,661,514)	(104,485,225)
	10,409,394	7,087,922
Projek pembiakan dan pembesaran haiwan	4,533,465	4,533,465
Elaun Rosotnilai	(4,533,465)	(4,533,465)
	44,824,572	41,485,585
Akaun Projek Ladang Agensi		
Pergerakan peruntukan rosotnilai		
Baki awal	104,485,225	110,491,740
Caj tahun semasa (Nota 37)	1,176,289	-
Pembalikan tahun semasa (Nota 34)	-	(6,006,515)
Baki akhir	105,661,514	104,485,225

Baki-baki penghutang projek direkod secara berkelompok. Pergerakan dalam akaun projek Tanam Semula Komersial (TSK) adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2021	2020
	RM	RM
Pada 1 Januari	34,397,663	31,553,623
Penambahan hutang	1,709,351	631,978
Pelunasan hutang	(5,148,889)	(1,731,711)
Perubahan nilai saksama (Nota 34)	5,011,550	3,470,660
Pengkelasan daripada kos pembangunan ke baki matang	(1,554,497)	473,113
Pada 31 Disember	34,415,178	34,397,663



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

18. BELUM TERIMA LAIN DAN DEPOSIT (SAMBUNGAN)

Kegiatan utama salah sebuah syarikat subsidiari, RISDA Plantation Sdn. Bhd. (RPSB) ialah mengurus dan membangunkan kebun-kebun kecil bagi getah dan kelapa sawit (projek TSK). Syarikat subsidiari ini menguruskan pembangunan rancangan tanaman semula secara komersial bagi pihak pekebun-pekebun kecil dan sebagai balasan, syarikat subsidiari memperoleh yuran pengurusan atau sebahagian daripada keuntungan dari rancangan-rancangan berasaskan syarat-syarat perjanjian dengan pekebun-pekebun kecil.

Melalui skim projek Tanam Semula Komersial, RPSB memberi pinjaman tanpa faedah dan tanpa jadual pembayaran semula yang tertentu kepada pekebun kecil yang menyertai skim projek ini untuk membiayai segala kos pembangunan dan pengurusan ladang tersebut. Apabila projek TSK mula matang, hasil dari jualan komoditi akan digunakan untuk mengurangkan baki pinjaman pekebun kecil secara berperingkat sehingga akhir tempoh perjanjian. Baki akaun akan dikira atas nilai saksama melalui untung rugi.

Selain daripada kerja-kerja dan membangunkan kebun-kebun kecil bagi getah dan kelapa sawit, RPSB juga merupakan pengurus bagi projek pembiakan dan pembesaran haiwan di bawah Pinjaman Program Peningkatan Pendapatan Pekebun Kecil RISDA. Projek ini dibiayai secara langsung oleh pendahuluan daripada RISDA. Namun demikian, projek ini telah dirosot nilai sepenuhnya sejak tahun terdahulu.

Semua jumlah adalah dalam denominasi Ringgit Malaysia.

19. SIMPANAN TETAP

	Kumpulan		RISDA	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
		Dinyatakan semula		Dinyatakan semula
Simpanan tetap di :				
Bank berlesen	1,734,315,811	1,622,481,380	1,472,450,998	1,432,409,018
Institusi kewangan berlesen	421,950,000	361,275,443	421,950,000	360,950,000
	2,156,265,811	1,983,756,823	1,894,400,998	1,793,359,018

	Kumpulan		RISDA	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
		Dinyatakan semula		Dinyatakan semula
Analisa simpanan tetap :				
Tempoh matang kurang dari 3 bulan				
- Bercagar	3,158,241	325,443	-	-
- Tidak Bercagar	707,247,321	661,892,201	598,128,815	565,817,196
	710,405,562	662,217,644	598,128,815	565,817,196
Tempoh matang lebih dari 3 bulan	1,445,860,249	1,321,539,179	1,296,272,183	1,227,541,822
	2,156,265,811	1,983,756,823	1,894,400,998	1,793,359,018

Kadar faedah simpanan tetap di sepanjang tahun kewangan bagi Kumpulan dan RISDA adalah 1.25% sehingga 3.15% (2020: 1.60% sehingga 4.00%) dan 1.25% sehingga 2.20% (2020: 1.60% sehingga 4.00%) masing-masing. Tempoh matang untuk simpanan tetap Kumpulan dan RISDA adalah antara 1 hingga 365 hari (2020: 3 hingga 365 hari).

Semua simpanan tetap adalah dalam denominasi Ringgit Malaysia.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

20. OVERDRAF BANK

Bank overdraf Kumpulan merujuk kepada bank overdraf syarikat subsidiari, Permodalan RISDA Berhad yang dicagarkan dengan Perjanjian Pembelian Aset (*Asset Purchase Agreement*) berkaitan belum terima pemfaktoran dan pihak bank berhak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, untuk mengubah cara dokumentasi cagaran.

Setakat 31 Disember 2021, Kumpulan mempunyai overdraf bank, pelbagai kemudahan kredit dan jaminan bank berjumlah RM38,502,762 (2020: RM39,276,322) yang diperolehi daripada beberapa bank tempatan. Kemudahan-kemudahan ini tidak bercagar kecuali kemudahan jaminan bank yang diberi kepada beberapa syarikat-syarikat subsidiari dan yang diperolehi dengan jaminan simpanan tetap seperti dinyatakan di Nota 19.

Kadar purata efektif bagi bank overdraf adalah 2.78% sehingga 3.30% (2020: 2.85%) setahun.

21. BELUM BAYAR DAGANGAN

Belum bayar dagangan Kumpulan dan RISDA yang masing-masing berjumlah RM51,725,856 (2020: RM75,055,995) dan RM10,149,064 (2020: RM8,202,261) terdiri daripada jumlah terhutang daripada pembelian dalam aktiviti perniagaan.

Tempoh kredit yang diberi kepada Kumpulan dan RISDA adalah 30 hingga 90 hari (2020: 30 hingga 90 hari). Semua amaun adalah dalam denominasi Ringgit Malaysia.

22. BELUM BAYAR LAIN

	Kumpulan		RISDA	
	2021	2020	2021	2020
	RM	RM	RM	RM
Belum bayar lain	260,898,379	245,479,249	56,867,823	66,308,793
Perbelanjaan terakru	79,511,385	40,831,310	59,792,456	34,631,846
Hasil diterima terdahulu	682,918	3,451,431	682,918	492,339
	341,092,682	289,761,990	117,343,197	101,432,978

Belum bayar lain dan perbelanjaan terakru Kumpulan dan RISDA terdiri daripada deposit jaminan, tender deposit, bayaran gaji terakru dan perbelanjaan operasi lain yang belum dibayar. Amaun ini tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tidak mempunyai jadual pembayaran balik yang tetap.

Termasuk dalam belum bayar lain adalah pemiutang projek yang merupakan baki keuntungan projek yang diuruskan dan masih belum dibayar kepada peserta projek berjumlah RM172,256,288 (2020: RM137,998,582).

Selain itu, RISDA telah menerima keputusan pengauditan cukai bagi tahun taksiran 2015 hingga 2019 yang telah dijalankan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dalam tahun kewangan semasa. Keputusan dalam surat LHDN bertarikh 19 Januari 2023 menetapkan RISDA perlu membayar penalti cukai di bawah subseksyen 113(2) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 sebanyak RM11,248,678 dan ia diperuntukkan dalam tahun kewangan semasa dalam perbelanjaan operasi lain (Nota 37). Kenaan penalti ini adalah berdasarkan amaun cukai kena bayar RISDA bagi tahun taksiran 2015 hingga 2019 sebanyak 15% setiap tahun seperti di Nota 45.

Semua amaun adalah dalam denominasi Ringgit Malaysia.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

23. LIABILITI PAJAKAN DAN PEMIUTANG SEWA BELI

23.1 Liabiliti Pajak

	Kumpulan		RISDA	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Analisa kematangan :				
Dalam masa 1 tahun	2,638,951	3,170,826	3,574,833	4,363,885
Dari 2 hingga 5 tahun	9,201,634	8,763,826	5,941,204	5,311,182
Lebih 5 tahun	2,620,823	3,550,611	-	9,100
	14,461,408	15,485,263	9,516,037	9,684,167
Tolak : Faedah belum diperolehi	(4,111,088)	(4,476,135)	(2,588,006)	(2,588,006)
	10,350,320	11,009,128	6,928,031	7,096,161
Didedahkan sebagai:				
Liabiliti semasa	2,495,843	3,018,849	3,574,833	4,363,885
Liabiliti bukan semasa	7,854,477	7,990,279	3,353,198	2,732,276
	10,350,320	11,009,128	6,928,031	7,096,161

Termasuk di dalam liabiliti pajak aset hak guna RISDA adalah liabiliti pajak kepada syarikat berkaitan sebanyak RM2,672,040 (2020: RM3,219,647). Kumpulan dan RISDA menggunakan kadar pinjaman diiktiraf pada kadar 2.60% sehingga 10.20% (2020: 3.50% sehingga 10.20%) setahun.

Analisis kematangan adalah seperti yang didedahkan di Nota 43.

23.2 Pemiutang Sewa Beli

	Kumpulan	
	2021 RM	2020 RM
Bayaran minimum pajak kewangan		
Dalam tempoh 1 tahun	2,115,003	2,718,967
Dalam tempoh 2 - 5 tahun	2,627,192	3,608,762
Lebih dari tempoh 5 tahun	326,722	175,344
	5,068,917	6,503,073
Tolak : Kos kewangan masa hadapan	(388,782)	(569,098)
Nilai kini pajak kewangan	4,680,135	5,933,975
Analisa nilai kini pajak kewangan		
Dalam tempoh 1 tahun	1,908,164	2,165,740
Dalam tempoh 2 - 5 tahun	2,721,391	3,599,921
Lebih dari tempoh 5 tahun	50,580	168,314
	4,680,135	5,933,975
Dinyatakan sebagai:-		
Liabiliti semasa	1,908,164	2,165,740
Liabiliti bukan semasa	2,771,971	3,768,235
	4,680,135	5,933,975

Pemiutang sewa beli dikenakan kadar faedah pada 2.09% sehingga 4.00% (2020: 2.30% sehingga 4.00%) setahun.



Nota-nota kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2021 (sambungan)

24. PINJAMAN BERJANGKA

Pinjaman berjangka Kumpulan mewakili pinjaman berikut :

	Kumpulan	
	2021	2020
	RM	RM
Institusi kewangan	91,514,606	39,272,464
Prokhas Asset Management Sdn. Bhd.	425,176	425,176
	91,939,782	39,697,640

Syarikat subsidiari RISDA, Permodalan RISDA Berhad (PRB) telah memperoleh pembiayaan jangka pendek daripada satu institusi kewangan di Malaysia bagi tujuan membiayai pembiayaan pemfaktoran. Pinjaman ini telah dikenakan kadar faedah sebanyak 2.28% sehingga 5.93% (2020: 5.05% sehingga 6.34%) setahun dan termasuk dalam pinjaman jangka pendek amaun yang telah dicagarkan dengan bangunan dan bangunan dalam pembinaan.

Amaun terhutang kepada Prokhas Asset Management Sdn. Bhd. sebanyak RM425,176 (2020: RM425,176) adalah berkaitan dengan penyusunan semula sebuah syarikat subsidiari, RISDA Bina Sdn. Bhd. dan pembangunan projek hartanah oleh syarikat subsidiari tersebut.

25. GANJARAN PERSARAAN KAKITANGAN

	Kumpulan dan RISDA	
	2021	2020
	RM	RM
Peruntukan ganjaran gantian cuti rehat	34,077,156	32,493,533
Peruntukan manfaat perubatan pasca perkhidmatan	267,619,909	252,620,696
Nilai kini peruntukan manfaat kakitangan tidak berdana	301,697,065	285,114,229
Dinyatakan sebagai:-		
Liabiliti semasa	7,979,343	8,287,365
Liabiliti bukan semasa	293,717,722	276,826,864
	301,697,065	285,114,229

25.1 Peruntukan ganjaran gantian cuti rehat

Pelan manfaat persaraan ini membenarkan kakitangan mengumpul cuti tahunan yang boleh ditukarkan kepada wang tunai berdasarkan gaji akhir dimana bayaran sekaligus dibuat pada tarikh persaraan wajib atau lebih awal melalui persaraan pilihan, persaraan disebabkan kesihatan atau meninggal dunia dalam perkhidmatan.

